



MALAYSIA

PENYATA RASMI PARLIMEN

PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN NEGARA

Senate

PARLIMEN KETUJUH

Seventh Parliament

PENGGAL PERTAMA

First Session

Jilid I Bil. 28 Hari Rabu 2hb Disember, 1987

KANDUNGANNYA

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN (Ruangan 1)

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Kumpulan Wang Amanah Negara (Ruangan 36)

Rang Undang-undang Bil Perbendaharaan (Tempatan)
(Pindaan) (Ruangan 45)

Rang Undang-undang Perindustrian Nanas (Pindaan) (Ruangan 90)

MALAYSIA

DEWAN NEGARA

Rabu, 2hb Disember, 1987

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

D O A

[Tuan Yang di-Pertua mempengerusikan Mesyuarat]

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

PEMBUNUHAN RAKYAT MALAYSIA DI PERAIRAN FILIPINA

1. **Puan Rokiah binti Zainuddin** minta Menteri Luar Negeri menyatakan hasil siasatan mengenai dua rakyat Malaysia yang dikatakan telah dibunuh dan empat orang lagi di.tawan oleh lanun-lanun di Cogayan de Tawi-tawi di Perairan Filipina baru-baru ini.

Timbalan Menteri Luar Negeri [Toh Muda Dr. Abdullah Fadzil bin Che Wan]: Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana Yang Berhormat sedia maklum berita mengenai pembunuhan dua orang rakyat Malaysia dan penahanan empat orang yang lain sebagai tebusan telah disiarkan oleh akhbar-akhbar tempatan pada 6hb November, 1987 yang lalu.

Berikutan dengan laporan tersebut, Kementerian Luar Negeri telah menghubungi Kedutaan Besar Malaysia di Manila dan meminta mereka membuat laporan lengkap mengenai peristiwa tersebut. Maklumat yang diterima setakat ini menunjukkan bahawa pihak berkuasa Filipina masih lagi belum dapat mengenalpasti siapakah rakyat Malaysia yang terlibat dalam peristiwa tersebut. Sehingga kini pihak berkuasa Filipina masih lagi meneruskan siasatannya mengenai perkara ini. Kementerian Luar Negeri juga setakat ini masih belum lagi menerima sebarang aduan dari waris-waris rakyat Malaysia yang dikatakan terlibat dalam peristiwa tersebut. Kementerian Luar akan mengambil tindakan selanjutnya apabila maklumat-maklumat lanjut diterima.

PELABURAN KWSP - KEJATUHAN HARGA SAHAM

2. **Dato' Dr. K.S. Nijhar** minta Menteri Kewangan menyatakan kesan-kesan "Keruntuhan Bursa Saham" baru-baru ini ke atas pelaburan-pelaburan Wang Simpanan Pekerja.

Timbalan Menteri Kewangan [Tuan Mohamed Farid bin Ariffin]:

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kejatuhan harga saham mulai 19hb Oktober, 1987 memang memberi kesan ke atas pelaburan KWSP. Setakat 20hb November, 1987 KWSP mengalami kerugian atas kertas ataupun, dengan izin, paper loss sebanyak \$87,4 juta atas pelaburan dalam saham sebanyak \$604.2 juta. Oleh kerana pelaburan yang dibuat adalah dalam bentuk jangka panjang maka KWSP tidak akan membuat apa-apa jualan sementara waktu sehingga pasaran saham pulih semula.

Tuan Ng Peng Hay: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Berikut jawapan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan bahawa sehingga hari ini. KWSP telah rugi lebihkurang \$87.4 juta, apakah tindakan-tindakan dan langkah-langkah yang akan diambil oleh Kementerian berkenaan supaya kerugian ini akan tidak membebankan pada pencarum-pencarum?

Tuan Mohamed Farid bin Ariffin: Tuan Yang di-Pertua, ingin saya maklumkan pada Dewan yang mulia ini., walaupun ada kesan ternadap kejatuhan harga saham daripada keseluruhan jumlah keuntungan yang diperolehi daripada perdagangan saham KWSP secara keseluruhannya setakat 20hb November, 1987 ialah sebanyak \$51.6 juta. Jadi, sebagai satu langkah yang setelah saya maklumkan awal-awal tadi semasa saya menjawab soalan pokok, maka saya telah menyatakan bahawa KWSP buat masa ini. tidak akan membuat apa-apa jualan sementara waktu sehingga pasaran saham pulih semula.

KURSUS PILIHAN DI UNIVERSITI MALAYA

3. Tuan M. Sangaralingam minta Menteri. Pendidikan menyatakan bolehkah matapelajaran pilihan dalam Jabatan Pengajian India dan Jabatan Pengajian Tionghua di Universiti Malaya diperkenalkan semula oleh kuasa Kabinet bagi memenangi semula hati rakyat kita, memandang bahawa isu ini mempunyai latar belakang yang begitu lama dan penting dan mempunyai kuasa yang terbesar sekali di negeri ini..

Timbalan Menteri Pendidikan [Tuan Woon See Chin]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kursus pilihan Universiti Malaya adalah urusan akademik universiti berkenaan. Oleh itu Kerajaan telah menyerahkan perkara tersebut kepada kebijaksanaan Senat Universiti untuk memutuskannya sesuai dengan prinsip kebebasan akademik yang diamalkan sekarang.

Perkara ini juga telah dibangkitkan dalam Mesyuarat Jemaah Menteri pada 15hb Julai., 1987 dan keputusannya ialah perkara ini. jika perlu akan dibincangkan lagi kemudian di satu masa yang sesuai.

SEKOLAH RENDAH DI SARAWAK - PEMBINAAN

4. **Tuan Tiong Hiew King** minta Menteri Pendidikan menyatakan:

- (a) berapakah jumlah wang disediakan untuk membina bilik darjah Sekolah-sekolah Rendah Kebangsaan dan Jenis Kebangsaan di Sarawak di bawah program Pendidikan Rendah bagi tahun 1988. Berapa jumlah bilik darjah masing-masing akan dibina; dan
- (b) berapakah jumlah wang disedlakan bagi pembinaan darjah, makmal-makmal di Sarawak di bawah program Pendidikan Menengah. Berapa jumlah bilik akan dibina.

Tuan Woon See Chin; Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, peruntukan bagi pembinaan sekolah rendah di negeri Sarawak bagi tahun 1988 ialah sebanyak \$25.3 juta. Peruntukan ini adalah untuk membina sebanyak 281 buah bilik darjah. Tidaklah menjadi dasar Kementerian ini membahagikan peruntukan mengikut jenis sekolah. Sebaliknya, peruntukan diberikan mengikut keperluan sebuah sekolah itu. Di dalam program pendidikan sekolah menengah, dalam tahun 1988 sebanyak \$39.27 juta telah diperuntukkan bagi pembinaan sebanyak 295 bilik darjah bagi negeri Sarawak. Terima kasih.

Tuan Ng Peng Hay: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri Pendidikan sedar bahawa ada beberapa buah sekolah di dalam Semenanjung Malaysia telahpun dijanji oleh Kementerian untuk memberikan peruntukan bagi memperbaiki ataupun membina bilik-bilik darjah yang baru. Walaupun bilik darjah ini telah siap dibina, tetapi sehingga hari ini mereka belum dapat bayaran lagi dan apakah tindakan yang akan diambil oleh Kementerian berkenaan supaya menyelesaikan masalah ini dengan cepat.

Tuan Yang di-Pertua: Minta maaf dahulu. Pertanyaan ini untuk Sarawak, bukan keseluruhannya. Betulkah atau tidak? Jadi, saya rasa itu tidak ada asas yang berkenaan. Tidak usah dijawab. Kalau mahu, buat soalan yang baru.

PENDATANG HARAM INDONESIA

5. **Tuan Hassan bin Nam** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan iaitu berapa ramaikah bilangan pendatang-pendatang haram daripada negara jiran kita Indonesia yang telah dapat dikesan serta ditangkap dan dihantar balik ke negara mereka sejak dari tahun 1984 hingga 31hb Oktober, 1987, jika ada, serta nyatakan jika ada antara mereka bilangan yang jadi penjenayah di negara ini.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Tuan Kasitah bin Gaddam]:

Tuan Yang di-Pertua, saya minta izin untuk menjawab soalan ini bagi pihak Menteri Dalam Negeri.

Tuan Yang di-Pertua, sejak tahun 1984 sehingga 31hb Oktober, 1987, bilangan pendatang haram dari Indonesia yang dikesan dan ditangkap di seluruh negara termasuk Sabah dan Sarawak ialah seramai 50,444 orang. Dari bilangan tersebut, tidak ada mereka yang didapati terlibat di dalam kejadian jenayah di negara **ini**.

Tuan Dahalan bin Haji Embun: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Apakah benar bahawa pendatang haram ini dianjurkan oleh estet yang tertentu untuk menampung kekurangan pekerja di ladang-ladang.

Tuan Kasitah bin Gaddam: Tuan Yang di-Pertua, tidak benar.

NELAYAN - GALAKAN DAN DORONGAN

6. **Tuan Mohd. Wajdi bin Dato Haji Ishak** minta Menteri Pertanian menyatakan dan memberi penjelasan mengenai penggalakan dan pengwujudan bot-bot yang menggunakan cahaya api yang kuat untuk menambah-lebihkan hasil tangkapan ikan;

- (i) sejauh manakah usaha-usaha dan galakan ini telah mendapat sambutan daripada nelayan sama ada dari Pantai Timur dan Barat. Berapakah lesen yang telah dikeluarkan untuk tujuan ini.
- (ii) sejauh manakah hasil kajian yang telah dibuat di Pantai Barat (Pulau Pangkor) oleh Jabatan Perikanan mengenai penggunaan bot-bot ini dari segi ekonomi dan kesan-kesan sampingannya; dan
- (iii) adakah pihak Kerajaan telah membuat keputusan sama ada mahu meneruskan galakan ini atau membatalkan lesen tersebut itu.

Timbalan Menteri Pertanian [Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed]: Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan akan sentiasa memberi galakan dan dorongan kepada perkara-perkara yang memberi manfaat kepada masyarakat nelayan. Ini termasuklah penggunaan alat-alat penangkapan ikan yang berupaya mempertingkatkan hasil tangkapan seperti penggunaan cahaya lampu. Walau bagaimanapun, sebelum ianya diperkenalkan kepada masyarakat nelayan, pihak Kerajaan akan mengkaji kekesanan alat-alat tersebut dengan mengambil kira berbagai aspek seperti aspek kekesanan ke atas sumber-sumber perikanan dan dan sosio-ekonomi masyarakat nelayan.

Sehingga setakat ini, sambutan yang diberi adalah menggalakan dan pihak Kerajaan telah mengeluarkan sejumlah 149 lesen Pukat Jerut Ikan yang menggunakan lampu.

Bagi menjawab soalan yang kedua, kajian yang dilakukan di perairan Pulau Pangkor, Perak telah menunjukkan bahawa dari aspek 'haul' kadar tangkapan Pukat Jerut Berlampu adalah tinggi tetapi dari aspek trip, kadar tangkapan adalah rendah berbanding dengan Pukat Jerut Ikan tidak berlampu, Pukat Jerut Berlampu lebih banyak menangkap anak-anak ikan dan boleh menjejaskan sumber kelak.

Bagi menjawab pertanyaan ketiga, Kerajaan ketika ini tidak membenarkan penggunaan Pukat Jerut Berlampu bagi perairan Negeri Perak sahaja.

Tuan Mohd. Wajdi bin Dato' Haji Ishak: Tuan Yang di-Pertua, mengapa dan kenapa pihak Kementerian hanya mengharamkan di negeri Perak dan tidak di seluruh Negeri Pantai Barat yang mana berperairankan Selat Melaka dan tambahan pula ini adalah terlalu susah untuk kerja-kerja kawatan untuk menghalang pengusaha-pengusaha bot yang menggunakan cahaya lampu, kerana apa yang saya telah difahamkan perairan di antara negeri-negeri di perairan Selat Melaka adalah susah untuk dikenalpasti.

Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed: Tuan Yang di-Pertua, saya suka nyatakan di sini negeri-negeri yang pada masa ini menggunakan lampu ialah negeri Kedah, Perlis, Pulau Pinang dan Perak sendiri. Jadi negeri-negeri Kedah, Perlis dan juga Pulau Pinang tidak membuat apa-apa bantahan berhubung dengan penggunaan lampu. Perak sahaja yang membuat bantahan. Oleh sebab itu kita pada hari ini telah membuat kajian mula mengharamkan penggunaan lampu hanya diperairan Perak sahaja.

AIR DI LADANG GETAH - KEMUDAHAN

7. **Tuan G. Rajoo** minta Menteri Buruh menyatakan:

- (i) sama ada beliau sedar air yang digunakan oleh penduduk di ladang-ladang getah seluruh negara ini tidak memenuhi syarat kebersihan air dan merbahaya jika digunakan berterusan;
- (ii) tindakan-tindakan yang akan diambil oleh Kementerian untuk memastikan air yang digunakan itu selamat diminum dan tidak merbahaya lagi;
- (iii) tindakan yang akan diambil ke atas tuan punya ladang yang masih enggan memberi kemudahan air yang bersih.

Timbalan Menteri Buruh [Dato' Wan Abu Bakar bin Wan Mohamed]:

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Buruh sedar bahawa air yang digunakan oleh penduduk-penduduk di setengah-setengah ladang getah, khususnya ladang-ladang kecil dan terpencil adalah tidak sebegitu memuaskan kerana estet-estet ini tidak disambungkan kepada paip air JKR. Tidak dinafikan masalah bekalan air ke ladang-ladang ini masih wujud kerana perbelanjaannya tinggi untuk menampung bekalan paip air dari seluruh paip air JKR.

Masalah ini telah diberi perhatian oleh Kementerian Buruh dengan kerjasama Kementerian Kesihatan semenjak beberapa tahun dahulu, khasnya selepas Akta Piawai Minima Perumahan Pekerja, 1966 dikuatkuasakan. Akta ini mewajibkan majikan-majikan yang menyediakan perumahan percuma kepada pekerja-pekerjanya supaya membekalkan juga air yang bersih. Di samping itu untuk memastikan air yang digunakan di ladang-ladang getah adalah selamat untuk diminum, satu kajian mengenai kebersihan air telah dijalankan oleh Kementerian Kesihatan. Hasil kajian ini adalah difahamkan bahawa Kementerian Kesihatan akan mencadangkan supaya estet-estet yang besar melaksanakan satu rancangan lima tahun untuk memperbaiki keadaan alam sekeliling dan bekalan air. Bagi estet-estet kecil Kementerian Kesihatan sedia membantu mereka dengan memberi garis panduan rekabentuk sistem bekalan air kos rendah.

Sebagai langkah bagi memperbaiki keadaan bekalan air yang digunakan di estet-estet, Kementerian Buruh akan meningkatkan lagi penguatkuasaan Akta Piawai Minima Perumahan Pekerja, 1966. Tuan empunya ladang yang enggan memberikan kemudahan air yang bersih kepada pekerja-pekerjanya seperti yang diwajibkan di bawah Akta ini akan diambil tindakan yang sewajarnya.

AKTIVITI WANITA DI LUAR BANDAR

8. Puan Hajjah Rosnah binti Haji Mohd. Salleh minta Perdana Menteri menyatakan bagaimanakah aktiviti-aktiviti wanita dapat disampaikan di luar-luar bandar.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Dr. Siti Zaharah binti Haji Sulaiman]: Tuan Yang di-Pertua, bagi mengawasi kekesanan sesuatu projek atau program untuk wanita, Urusetia Hal Ehwal Wanita Jabatan Perdana Menteri telah mewujudkan satu sistem pengesanan yang melibatkan Kementerian-kementerian Kerajaan. Ini termasuklah Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar. Melalui Kementerian inilah segala aktiviti-aktiviti wanita luar bandar disalurkan. Mengikut peraturan yang ditetapkan, segala aktiviti yang diaturkan untuk wanita mengambil kira penyertaan wanita luar bandar. Ini termasuklah kursus-kursus, seminar-seminar dan lawatan-lawatan yang ditawarkan kepada/atau dianjurkan oleh Kerajaan. Juga segala maklumat penting yang diterima berkaitan dengan wanita dipanjangkan kepada kaum wanita luar bandar menerusi Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar dan pertubuhan-pertubuhan sukarela, termasuklah pertubuhan-pertubuhan wanita dan belia. Amalan ini telah dipraktikkan lebih-lebih lagi selepas Persidangan Sedunia Dekad Wanita Bangsa-bangsa Bersatu di Nairobi, Kenya pada tahun 1985, di mana penekanan penglibatan wanita luar bandar sepenuhnya dalam semua kegiatan pembangunan.

Puan Mazidah Haji Zakaria: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Baru-baru ini kita telah mendengar tentang penubuhan IKWAM ataupun Institiut Kemajuan Wanita Malaysia atas daya-usaha Urusetia Hal Ehwal Wanita di Jabatan Perdana Menteri. Jika tidak

keberatan bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri menerangkan sama ada IKWAM ini mempunyai rancangan-ancangan dan/atau aktiviti-aktiviti tertentu bagi wanita luar bandar, dan jika ada, apakah jenis-jenis rancangan-ancangan ataupun aktiviti-aktiviti ini dan apakah pula faedah-faedah yang dijangkakan akan dinikmati oleh wanita-wanita luar bandar melalui rancangan-ancangan dan aktiviti-aktiviti IKWAM.

Dato' Dr. Siti Zaharah binti Haji Sulaiman: Tuan Yang di-Pertua, Institut Kemajuan Wanita telah ditubuhkan pada awaltahun **ini**. Salah satu daripada matlamat penubuhan Institut Kemajuan Wanita ini adalah untuk menggembeling segala sumber tenaga kepakaran wanita-wanita tanpa mengira peringkat dan jenis kepakaran yang ada pada wanita-wanita itu. Oleh yang demikian salah satu daripada rancangan-rancangan yang sedang dirangka oleh pihak IKWAN adalah untuk mengenalpasti jenis latihan-latihan kemahiran yang boleh diwujudkan dan dijalankan sendiri oleh pemimpin-pemimpin wanita di peringkat luar bandar supaya dapat menggerakkan kegiatan-kegiatan atau program di peringkat 'grass root', dengan izin, ataupun di peringkat setempat dengan kerjasama daripada jentera di peringkat pentadbiran setempat.

Tuan Yang di-Pertua: Pertanyaan No. 9 paragraph (c) dan 10(c) adalah sama, jadi Soal Mulut 9(c) dibatalkan oleh kerana ini tersilap termasuk di dalam, jadi kita tengok 10(c) sama iaitu berkenaan dengan penanaman anggor dan pelancongan.

PELANCONG ASING - BILANGAN

9. **Tuan Paramjit Singh** minta Menteri Kebudayaan dan Pelancongan menyatakan:

- (a) bagi tahun 1986, berapakah jumlah bilangan pelancong asing yang melawat negara kita dan jumlah hasil pendapatan yang diterima dari industri pelancongan; dan
- (b) adakah Kerajaan akan menimbang untuk mengurus dengan Persatuan Hotel-hotel Malaysia bagi mengurangkan kadar sewa hotel dalam negara ini supaya ianya akan lebih memberikan tarikan kepada pelancong-pelancong asing dan tempatan.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan dan Pelancongan

[Tuan Abdul Raman bin Suliman]: Tuan Yang di-Pertua;

- (a) bagi tahun 1986, seramai 3,025,000 orang pelancong-pelancong asing telah melawat negara ini. Berasaskan kepada perangkaan ini, hasil pendapatan pelancongan bagi tahun 1986 berjumlah \$1,529.3 juta.
- (b) pihak Kementerian sering mengadakan perbincangan dengan Persatuan Hotel Malaysia bagi meneliti prestasi industri perhotelan di Malaysia. Masalah kadar sewa yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat telah banyak kali dibincangkan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kadar sewa hotel memanglah tinggi di negara ini pada masa yang lalu, tetapi kadar ini telahpun menurun dengan penawaran dan permintaan bilik-bilik hotel di pasaran yang telah berubah sekarang. Sebagai langkah untuk mengurangkan kos operasi hotel-hotel, Kementerian pada masa ini sedang mengkaji langkah bagi mengurangkan lesen-lesen yang diperlukan untuk menguruskan sesebuah hotel..

- (c) Kerajaan melalui Perbadanan Kemajuan Pelancongan Malaysia, dalam usaha untuk menggalakkan pelancongan dalam negeri antara lain akan terus mengambil langkah-langkah seperti berikut:

- (i) memperkenalkan kepada penduduk tempatan destinasi-destinasi dan tarikan-tarikan yang terdapat di negara ini melalui aktiviti pengiklanan dan penyebaran maklumat. Beberapa pengiklanan melalui TV, radio dan media cetak telah diadakan untuk menerangkan dan menambah kesedaran rakyat Malaysia terhadap tempat-tempat menarik dalam negeri. Di samping itu risalah-risalah serta peta-peta mengenai tempat-tempat menarik juga disediakan dan diedarkan kepada orang ramai.
- (ii) menggalakkan pengusaha-pengusaha pelancongan tempatan menganjurkan "tour package" dalam negeri dengan menawarkan corak lawatan yang menarik dan harga yang murah. Dalam hal ini Perbadanan Kemajuan Pelancongan Malaysia dengan kerjasama mereka yang terlibat dengan industri pelancongan telah memperkenalkan Program Percutian Istimewa (Great Value Holidays) pada tahun 1985. Program ini mengutamakan program lawatan ke tempat-tempat menarik di Malaysia dengan harga yang berpatutan dan telah mendapat sambutan yang baik serta kini telah diambilalih oleh pihak swasta iaitu Great Value Holidays Sdn. Bhd.

(iii) di samping itu Kerajaan juga menggalak dan membantu pihak-pihak Kerajaan Negeri dan swasta dalam mengajur program-program pelancongan tempatan seperti pesta-pesta, karnival, minggu pelancongan dan sebagainya. Dengan adanya program-program ini rakyat tempatan akan tertarik untuk melawat tempat-tempat bekekaan.

Untuk tahun 1987 "Malaysia Fest" telah dianjurkan untuk pertama kalinya dengan tujuan menggalakkan penduduk tempatan membuat perjalanan di dalam negeri. Malaysia Fest ini akan diadakan pada tiap-tiap tahun sebagai aktiviti pelancongan peringkat kebangsaan.

(iv) Kementerian juga mengadakan kempen dan galakan di sekolan-sekolah, persatuan-persatuan dan badan-badan tertentu mengenai tempat-tempat pelancongan dalam negeri. Melalui aktiviti ini penerangan mengenai tempat-tempat pelancongan di Malaysia dapat disebarikan dengan meluas,

(v) di samping itu Kerajaan juga menggalakkan pembangunan tempat-tempat dan kemudahan-kemudahan pelancongan

untuk penduduk tempatan seperti hutan-hutan lipur, kemudahan penginapan ber-harga murah dan sebagainya. Dengan adanya tempat-tempat dan kemudahan berkenaan adalah diharapkan pelancong-pelancong dalam negeri akan dapat dipertingkatkan lagi.

Tuan Ng Peng Hay: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Memandangkan Pelan Induk Pelancongan adalah amat penting untuk keseluruhan industri pelancongan negara kita, bolehkah Yang Berhormat Setiausaha Parlimen yang berkenaan memberitahu kepada Dewan yang mulia ini, apakah perkembangan yang terakhir persiapan Pelan Induk Pelancongan dan bilakah Pelan Induk Pelancongan ini akan disiapkan?

Tuan Abdul Raman bin Suliman: Tuan Yang di-Pertua, banyak perkara-perkara yang perlu diselesaikan terlebih dahulu melalui Pelan Induk Pelancongan ini kerana Pelan Induk ini kita dapat kerjasama daripada JICA, iaitu agensi daripada bantuan Kerajaan Jepun dan adalah dijangkakan setelah semua sumber-sumber maklumat mengenai pelancongan diperolehi ianya akan dapat diselesaikan pada bulan Ogos, 1988 dan report terakhir akan dikemukakan dalam kira-kira bulan Oktober, 1988.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Yang Berhormat Tuan Azumu bin Tak.

Tuan Azumu bin Tak: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Kerajaan berpuas hati tentang pengelolaan Bulan Pelancongan Negeri Perak pada bulan November yang lalu, dan jika berpuas hati, adakah Kerajaan bercadang untuk mengadakan Bulan Pelancongan di peringkat Pusat? Terima kasih.

Tuan Abdul Raman bin Suliman: Tuan Yang di-Pertua, mengenai soalan yang pertama iaitu Bulan Pelancongan Negeri Perak, ianya tidaklah dapat saya jawab kerana ianya diuruskan oleh pihak Kerajaan Negeri.

Mengenai peringkat Pusat kita memang telahpun mengadakan 'Malaysia Fest'. Malaysia Fest ini adalah satu daripada langkah perraulaan menggalakkan pelawat-pelawat ataupun pelancong-pelancong berkunjung ke peringkat Pusat kerana ianya lebih merupakan gabungan seluruh Kerajaan-kerajaan Negeri. Walau bagaimanapun pihak Kementerian sedang meraacang untuk menganjurkan bukan Bulan Pelancongan tetapi "Visit Malaysia Year" dalam setahun dua yang akan datang ataupun lebih tepat kita akan mengadakan pada tahun 1990.

Dato' Tan Peng Khoon: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Bolehkah Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan dan Pelancongan memberitahu Dewan yang mulia ini daripada jumlah 3 juta lebih pelancong yang melawat negara kita berapa banyak yang masuk melalui pintu selatan iaitu daripada Johor Bahru?

Tuan Abdul Raman bin Suliman: Tuan Yang di-Pertua, untuk menjawab soalan Yang Berhormat itu dengan tepat tidaklah ada perangkaan di sini kepada saya. Walau bagaimanapun daripada jumlah itu kalau dikira dianggarkan kemasukkan rakyat Singapura tidak termasuk pelancong-pelancong lain ianya 2 juta lebih dan kebanyakan pelancong-pelancong yang masuk ke Malaysia lain daripada Singapura adalah sebahagian besarnya melalui Kuala Lumpur.

TERNAKAN AIR TAWAR

10. **Puan Habidah binti Jusoh** minta Menteri Pertanian menyatakan:-

- (a) kenapakah penekanan ke arah menggalakkan masyarakat luar bandar mengadakan ternakan air tawar dan masin tidak mendapat pembelaan yang kemaskini dari Kerajaan sehingga ke tarat peladang jaya;
- (b) kenapakah tidak diadakan Kampung Nelayan yang serupa dengan rancangan FELDA tetapi ianya di-asaskan kepada ladang ternakan ikan seperti masyarakat di persisiran pantai dan pulau-pulau; dan
- (c) apakah tidak boleh digalakkan petani kecil di negara ini menanam anggur yang pada hemat saya dinegara kita juga sesuai untuk tanaman **itu**.

Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed: Tuan Yang di-Pertua, bagi menjawab soalan:-

- (a) Sebenarnya Kerajaan sentiasa memberi tumpuan ke arah pembangunan industri ternakan air tawar dan masin. Melalui Jabatan Perikanan, Kerajaan memberi latihan khidmat nasihat teknikal, serta membekal benih ikan dan udang secara percuma pada kali yang pertama kepada semua rakyat yang berminat mencebur **diri** dalam usaha **ini**.

Melalui Bank Pertanian Malaysia, mereka yang kurang modal boleh mendapat pinjaman untuk membina kolam atau sangkar ikan. Walaupun bukan semua telah berjaya, ramai telah mencapai taraf peladang jaya.

- (b) Pihak Kerajaan telah mempunyai program untuk nelayan yang serupa dengan rancangan FELDA. Satu perkampungan nelayan telahpun diwujudkan di Tg. Dawai, Kedah untuk menempatkan 100 orang peserta di bawah program Konsep Unit Keluarga (KUK) di LKIM, Rumah-rumah yang berbentuk seragam telahpun disediakan untuk peserta-peserta tersebut dengan syarat mereka mengambil bahagian dalam usaha ternakan ikan dalam sangkar. LKIM juga akan mengambil seramai 25 orang peserta lagi daripada kalangan nelayan di dalam Projek Ternakan Udang Air Payau di dalam kolam di Sg. Merbok, Kedah. Mereka akan diberi kemudahan perumahan (25 buah) yang akan dibina berhampiran dengan kawasan kolam untuk memudahkan mereka mengusahakan ternakan udang.
- (c) Anggur tidak akan digalakkan penanamannya secara komersial oleh petani-petani kecil di Malaysia. Sungguhpun buah-buahan ini boleh ditanam di dataran rendah dan tinggi di negara ini tetapi penanamannya masih menghadapi masalah. Taburan hujan yang tinggi yang didapati di banyak kawasan boleh mengakibatkan penyakit dan juga menjejaskan citarasanya.
- Malaysia mempunyai banyak jenis buah-buahan tropikal yang berpotensi untuk dipasar di luar dan di dalam negeri. Di antaranya ialah

pisang, betik, jambu batu, mangga, belimbing segi, nanas, duku langsung, rambutan, durian dan lain-lain. Dibandingkan dengan buah-buahan yang diimport seperti epal dan anggur, buah-buahan tempatan seperti jambu, betik dan belimbing segi mempunyai kandungan zat yang lebih (jambu batu umpamanya mengandungi Vitamin C yang tinggi - betik pula mengandungi Vitamin A yang tinggi). Dari tinjauan-tinjauan pasaran awal, buah-buahan Malaysia mendapat minat pengguna di banyak negara luar seperti Hong Kong, Jepun, Negara-negara Timur Tengah dan Eropah. Berasaskan potensi ini, Kementerian Pertanian telah menyusun pelan pembangunan 15 jenis buah-buahan (iaitu durian, rambutan, betik, pisang, nanas, nangka, duku langsung, belimbing segi, ciku, jambu batu, tembikai, limau, cempedak dan manggis). Buah-buahan ini sedang digalakkan pembangunannya oleh pengusaha-pengusaha kecil dan juga yang besar.

Tuan Mustafa bin Awang: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Berapakah harga rumah yang disediakan kepada nelayan yang berkenaan.

Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed: Tuan Yang di-Pertua, harganya kalau tidak salah saya ialah lebih kurang \$8,500.

Puan Habidah binti Jusoh: Tuan Yang di-Pertua soalan tambahan. Sebagaimana jawapan Timbalan Menteri yang berkenaan tadi iaitu satu perkampungan menyerupai rancangan FELDA telah pun diwujudkan oleh Kerajaan tetapi kenapakah setengah nelayan-nelayan kita yang sudah mahir di dalam bidang ini dipindahkan menjadi petani ataupun peladang, tidakkah Kerajaan sedar kemahiran mereka masih diperlukan kerana setahu saya negara kita masih kekurangan ikan.

Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed: Tuan Yang di-Pertua soal pemilihan ini soal individu. Kalau seseorang individu itu ingin menjadi petani maka kita terpaksa mengambil perhatian kepada kehendaknya. Jadi mereka ini sebenarnya apakala diminta sama ada mereka mahu meneruskan menjadi nelayan ataupun petani mereka sanggup untuk menjadi petani. Maka pilihan kita ialah memberi atau menyelesaikan atau menyempurnakan kehendak mereka.

Puan Habidah binti Jusoh: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan sedikit lagi. Saya rasa kurang berpuas hati dengan jawapan Timbalan Menteri yang berkenaan tadi kerana katanya soal individu. Tetapi setengah tempat rasa saya bukan individu itu berkeinginan untuk pergi ke kampung-kampung setengahnya mereka masih ingin menjadi nelayan tetapi mereka dipaksa supaya pergi ke kampung-kampung untuk menjadi peladang dan sebagainya. Dan akhirnya mereka balik ke pantai semula.

Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed: -Tuan Yang di-Pertua cerita itu saya tidak tahulah ttapi kadang kala apakala tiba seruan laut kita tidak tahulah, mungkin seruan laut lebih kuat daripada seruan untuk berkhidmat di tanah datar maka itulah barangkali keadaannya.

RANCANGAN PERUMAHAN TERBENGKALAI

11. Tuan C. Krishnan minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan berapakah jumlah skim-skim perumahan yang kini sudah terbengkalai dan juga tindakan seterusnya Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan terhadap pemaju-pemaju skim-skim tersebut.

15.12.87

24. Tuan Mohd. Wadji bin Dato' Haji Ishak minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan dan memberi penjelasan mengenai rancangan-rancangan perumahan yang terbengkalai:-

- (i) adakah pihak Kementerian mempunyai rancangan untuk menyelamatkannya dan sebutkan perancangannya dan sejauh manakah keberkesanannya. Sebutkan berapa banyak rancangan perumahan yang terbengkalai yang diadakan; dan
- (ii) sama ada Kerajaan sedar bahawa ada di antara pembeli-pembeli terutamanya dari kalangan pegawai Kerajaan yang telah membeli dan telah mengambil pinjaman serta gajinya telah dipotong. Apa pula tindakan Kerajaan membantu untuk menyelesaikan masalah ini.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Tuan Haji Hussein bin Ahmad]: Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menjawab soalan sahabat saya ini bersama dengan soalan sahabat saya yang lagi satu Yang Berhormat Tuan Mohd. Wadji bin Dato' Haji Ishak pada 15hb Disember, 1987.

Tuan Yang di-Pertua, sehingga akhir November tahun ini kita telah mengenalpasti sebanyak 184 rancangan perumahan yang dinamakan terbengkalai. Rancangan-rancangan ini ialah rancangan-rancangan yang dilaksanakan oleh pihak swasta. Manakala pihak Kementerian telah mengambil tindakan berbentuk untuk menyelesaikan masalah ini dengan cara Kementerian telah menubuhkan satu unit khas bagi mengkaji dan menyelesaikan semua projek-projek yang telah dikenalpasti ini.

Unit khas ini ditugaskan kepada dua kawasan, satu di sebelah utara yang merangkumi negeri Pahang, Kelantan, Terengganu, Kedah, Perlis dan Pulau Pinang. Manakala di sebelah selatannya pula merangkumi negeri Perak, Selangor, Negeri Sembilan, Melaka dan Johor.

Antara langkah yang Kementerian telah ambil bagi mencari penyelesaian ini:-

- (i) mengadakan perjumpaan dengan pihak pembeli-pembeli;
- (ii) meminta pembeli menubuhkan sebuah jawatankuasa pembeli;
- (iii) meminta pemaju menyerahkan kepada jawatankuasa pembeli mana-mana perancangan yang sudah tidak dapat diupayakan;
- (iv) kajian kemungkinan, dengan izin, feasibility study, keatas projek-projek berkenaan dengan mengkaji kedudukan kewangan dan kemajuan pembinaan.

Seterusnya mengadakan perbincangan dengan pihak bank atau institusi-institusi kewangan dan agensi-agensi Kerajaan yang terlibat dengan perancangan itu. Mengadakan perbincangan dengan piutang-piutang yang terlibat dengan perancangan itu dan akhirnya mengawasi sendiri segala perancangan yang akan dipulihkan bagi menjamin kesempurnaannya.

Tuan Yang di-Pertua, hasil daripada tindakan Kementerian setakat ini yang mana 54 daripada rancangan yang terbengkalai ini telah dapat dipulihkan daripadanya 30 rancangan telah siap yang mana 15 telah pun diberikan Sijil Kebenaran Duduk manakala yang 15 lagi sedang menunggu Sijil Kebenaran Duduk.

Tuan C. Krishnan: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Bolehkah Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan mengarahkan masa-masa akan datang pemaju-pemaju perumahan supaya membuka satu

akaun di bank dan nasihat pembeli-pembeli boleh bayar kepada bank terus menerus. Dengan demikian ini cadangan saya ini pembeli-pembeli boleh mengelakkan penipuan oleh pemaju-pemaju perumahan.

Tuan Haji Hussein bin Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, setakat ini pihak Kementerian telahpun berusaha dengan beberapa cara untuk mengatasi masalah-masalah yang sedang dihadapi **ini**, di antaranya bagi pihak Kementerian telah pun melaksanakan projek-projek khas bagi menjamin kedudukan apa yang telah dialami sekarang ini.

PUSAT LATIHAN BELIA DI SARAWAK

12. **Tuan Wong Kie Yik** minta Menteri Belia dan Sukan menyatakan adakah pihak Kementerian yang berkenaan akan merancang menubuhkan Pusat Latihan Belia di Sarawak. Pusat ini juga terkenal dengan "Pusat Membina Semangat" seperti yang telah dibina di Dusun, Tua. Pusat ini sangatlah penting untuk melatih belia-belie kita yang berbilang kaum demi untuk menguatkan perpaduan kaum dan membina satu masyarakat Malaysia yang taat setia kepada negara Malaysia. Ia boleh menjadi saluran untuk tujuan ters but dan seterusnya menanam semangat bertanggungjawab terhadap negara demi kemakmuran negara kita masa akan datang. Negara kita sedang membangun dengan pesatnya dan kita tidak mampu menghadapi masalah-masalah perkauman untuk merosakkan kemajuan yang telah kita capai.

Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan [Tuan Haji Awang bin Jabar]: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Belia dan Sukan Malaysia memang bercadang untuk menubuhkan Pusat Latihan Belia di Sarawak, tetapi oleh sebab keadaan ekonomi negara sekarang ini, rancangan itu terpaksa ditawakohkan dan akan dikaji semula dalam Mid-term Review Rancangan Malaysia Kelima.

EKSPORT BARANGAN UTAMA - HALANGAN

13. **Puan Hajjah Salbiah binti Mohd. Akim** minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan, adakah Kerajaan berjaya mengatasi halangan-halangan di peringkat antarabangsa ke atas barangan keluaran utama Negara yang diekspor keluar negeri.

Timbalan Menteri Perusahaan Utama [Tuan Alias bin Md. Ali]: Tuan Yang di-Pertua, bagi menjawab pertanyaan sahabat saya tadi, saya ingin menjelaskan bahawa halangan-halangan ke atas esport barangan utama negara seperti getah, minyak kelapa sawit, kayu-kayan dan sebagainya secara umumnya terbahagi kepada dua jenis iaitu halangan atau sekatan yang berupa tarif dan halangan yang bukan

tarif.

Sejak akhir-akhir ini pula ada satu jenis halangan baru yang ditimbulkan iaitu kempen memburuk-burukkan barangan utama keluaran negara kita seperti minyak sawit, getah dan juga kayu-kayan yang sengaja dijalankan oleh beberapa golongan tertentu yang tidak bertanggungjawab semata-mata untuk menjejaskan daya persaingan kita dan daya pengeluaran kita terhadap barang-barang tersebut.

Untuk menghadapi dan mengatasi halangan-halangan perdagangan ke atas barangan utama kita itu, Kerajaan telah sedang dan akan terus membangkitkan masalah-masalah ini dengan rakan-rakan dagangan kita melalui forum-forum dua hala ataupun melalui forum-forum anjuran United Nations atau Bangsa-bangsa Bersatu bersama-sama dengan rakan-rakan kita di dalam ASEAN. Misalnya, forum UNCTD (United Nations Conference on Trade and Development), dengan izin, dan juga GATT (General Agreement on Tariff and Trade), dengan izin, bersama-sama dengan rakan-rakan negara ASEAN kita menyuarakan bantahan terhadap dasar-dasar perlindungan yang dikenakan oleh negara-negara peng-eksport dan mendesak mereka supaya melonggarkan dasar-dasar dan peraturan-peraturan yang menekan kemasukan barangan-barangan kita,

Saya suka memaklumkan bahawa Kerajaan telahpun berjaya mendapatkan persetujuan beberapa buah negara untuk mengurang atau menghapuskan halangan-halangan tarif ke atas eksport barangan utama kita. Misalnya Kerajaan Jepun pada awal tahun 1986 telah bersetuju untuk menghapuskan duti import ke atas minyak kelapa sawit serta mengurangkan duti ke atas papan lapis. Kerajaan Australia pula telah bersetuju mengurangkan duti import ke atas papan lapis dan

minyak kelapa sawit,

Begitu juga Kerajaan Korea Selatan dan Turkey telah mengambil langkah yang sama iaitu mengurangkan duti import dan surcharge ke atas minyak kelapa sawit. Di samping itu Malaysia bersama-sama dengan negara-negara ASEAN yang lain telah juga meyakinkan pihak pentadbiran Amerika Syarikat supaya tidak mempengaruhi dan menyebelahi pihak ASA - Persatuan Pengeluar Minyak Kacang Soya Amerika Syarikat untuk melebelkan minyak kelapa sawit kita sebagai minyak tepu bersama-sama dengan minyak tropika yang lain iaitu satu langkah yang kita anggap bertujuan untuk melindungi industri minyak soya keluaran Amerika Syarikat. Walau bagaimanapun, kita tidak seharusnya berpuas hati dengan kejayaan-kejayaan yang telah kita capai setakat ini kerana masih banyak bentuk halangan perdagangan yang lain yang boleh menjejaskan eksport barangan utama kita.

Mungkin Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum bahawa baru-baru ini satu delegasi peringkat Menteri ASEAN telah berlepas ke negara-negara Eropah iaitu negara anggota EEC bagi menyatakan bantahan negara-negara ASEAN terhadap langkah negara-negara EEC untuk mengenakan cukai import ke atas minyak sayuran dan lemak walaupun beberapa buah negara menjadi anggota European Economic Committee membantah cadangan tersebut.

Saya ingin memberi jaminan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat Dewan yang mulia ini bahawa pihak Kementerian saya akan terus berusaha sehingga dasar perlindungan dan diskriminasi ke atas eksport barangan utama kita ini dikurangkan serendah-rendahnya kalau pun tidak dihapuskan sama sekali.

Puan Mazidah Haji Zakaria: Soalan tambahan. Tuan Yang

di-Pertua, sepertimana yang telah dijelaskan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi, kayu-kayan kita juga sekarang ini menghadapi masalah kempen anti penggunaannya kalau tidak silap saya dan jika ini benar dapatkah Yang Berhormat Timbalan Menteri itu menerangkan corak-corak kempen yang digunakan untuk menentang ataupun untuk memburuk-burukkan penggunaan kayu-kayan kita dan negara-negara manakah yang giat melakukan kempen-kempen anti penggunaan kayu-kayan daripada Malaysia dan apakah langkah-langkah tertentu yang diambil oleh Kementerian untuk mematahkan ataupun mengatasi masalah kempen terhadap kayu-kayan ini.

Tuan Alias bin Md. Ali: Tuan Yang di-Pertua, kempen memburuk-burukkan kayu-kayan atau kayu tropika keluaran negara kita ini bermula di Eropah. Ia dimulakan oleh satu golongan yang dipanggil sebagai environmentalist iaitu yang menjaga, mengambil berat tentang hal ehwal alam sekitar. Dan sejak akhir-akhir ini kempen ini telah merebak ke Australia,

Dari segi kesan kempen ini kepada penjualan harga barang-barang kayu kita tidak seberapa oleh kerana permintaan terhadap kayu tropika - kayu keras keluaran negara kita (hardwood) keluaran negara kita meningkat terutama dengan adanya permintaan yang bertambah daripada negara Jepun yang sekarang ini telah menggiatkan semula pembinaan rumah untuk rakyatnya. Tetapi kita percaya bahawa golongan environmentalist ini disokong secara diam-diam dari belakang oleh puak-puak pengeluar kayu apa yang kita panggil soft wood yang banyak terdapat di Eropah dan corak kempen mereka ialah dengan memburuk-burukkan negara kita kerana tidak memberi perhatian serius kepada usaha-usaha memperbaiki ataupun menjaga keadaan alam sekitar

dengan menjalankan penebangan hutan secara sewenang-wenang dan hal ini dikaitkan pula dengan masalah kaum Penan yang kononnya terpaksa dihalau daripada kawasan kediaman mereka oleh kerana adanya kegiatan-kegiatan menebang hutan.

Saya dapat memberi jaminan di sini bahawa semua maklumat-maklumat mengenai dakwaan ini sedang kita kumpulkan dan langkah balas sedang kita ambil, iaitu kita menyediakan filem-filem dan juga slides untuk kita hantar ke negara-negara yang berkenaan melalui kedutaan-kedutaan kita dan juga persatuan-persatuan yang berminat untuk menunjukkan kepada dunia bahawa kita tidaklah seperti yang digambarkan oleh golongan environmentalists ini, iaitu kita mempunyai peraturan-peraturan yang tertentu dalam memotong kayu-kayu hutan kita dan bahawa kita juga mengambil berat tentang masalah alam sekitar (environment) dan juga kita mengambil berat tentang masalah penduduk-penduduk yang berpindah-randah di dalam hutan seperti kaum Penan dan kepada kita adalah mustahil untuk menyimpan berjuta-juta ekar tanah hutan semata-mata untuk melindungi 2,000 orang kaum Penan bahawa perbuatan seperti ini tidak masuk akal, tetapi bagi kita yang penting ialah kita harus mengadakan program-program reformasi dan juga untuk memperbaiki keadaan sosio ekonomi rakyat Penan itu.

PETRONAS - KILANG PENAPIS MINYAK DI MELAKA

14. **Tuan Ng Peng Hay** minta Perdana Menteri menyatakan bilakah projek kilang penapis minyak yang dicadangkan di Melaka akan dilaksanakan; berapa kosnya, dan berapakah peluang pekerjaan akan diwujudkan.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Tuan Kasitah bin Gaddam]:

Tuan Yang di-Pertua, kilang penapis minyak kedua PETRONAS yang didirikan di Melaka sekarang ini adalah dalam peringkat pelaksanaan dan dijangka siap menjelang tahun 1991. Kos bagi mendirikan kilang penapis minyak ini adalah dianggarkan berjumlah \$986 juta. Bilangan pekerjaan yang akan diwujudkan dengan pembinaan kilang penapis ini ialah dianggarkan berjumlah 250 orang.

PROJEK BEKALAN AIR OLEH KONTRAKTOR BUMIPUTERA

15. **Tuan Haji Abu Bakar bin Lajim** minta Menteri Kerjaraya menyatakan mengapakah nilai projek bekalan air yang diberikan kepada pemborong-pemborong bumiputera begitu rendah sejak beberapa tahun yang lalu. Adakah ini disebabkan bilangan jumlah kontraktor yang menceburkan diri di bidang ini adalah kecil atau ketidakupayaan kontraktor-kontraktor bumiputera melaksanakan projek-projek air JKR. Nyatakan apakah langkah-langkah Kementerian bagi meninggikan mutu dan bilangan kontraktor bumiputera di bidang tersebut,

Timbalan Menteri Kerjaraya [Tuan Luhut Wan]: Tuan Yang di-Pertua, terdapat beberapa faktor yang menyebabkan nilai projek bekalan air yang diperolehi oleh kontraktor-kontraktor bertaraf bumiputera sejak beberapa tahun yang lalu agak rendah. Di antaranya adalah kerana kontraktor-kontraktor bertaraf bumiputera lebih berminat menyertai tender kerja-kerja binaan daripada kerja-kerja bekalan air. Contohnya, pada tahun 1987 ini, iaitu sehingga bulan Oktober 1987, nilai kerja-kerja binaan yang diperolehi oleh kontraktor-kontraktor bertaraf bumiputera ialah sebanyak \$109 juta atau 71% dari jumlah keseluruhan kontrak binaan yang dikeluarkan, manakala nilai kerja-kerja bekalan air hanya \$11.5 juta atau 11.3% sahaja.

Di antara langkah-langkah yang diambil oleh Kementerian Kerjaraya untuk meningkatkan penyertaan kontraktor bertaraf bumiputera dalam menjalankan projek bekalan air ialah:

- (i) mengeluarkan lebih banyak projek-projek bekalan air yang boleh dikendalikan oleh kontraktor-kontraktor bertaraf bumiputera sebagai tawaran khas untuk bumiputera

- (ii) memberikan ceramah-ceramah, dialog, kursus dan forum dari masa ke semasa bagi menggalakkan kontraktor-kontraktor bertaraf bumiputera untuk mempelbagaikan urusanniaga mereka dalam bidang yang lain seperti bekalan air dan tidak hanya tertumpu kepada bidang binaan sahaja; dan
- (iii) mengenakan syarat dan memastikan sekurang-kurangnya 30% dari nilai kontrak projek bekalan air luar bandar yang ditandatangani dengan syarikat Antah Biwater, dikhaskan kepada kontraktor-kontraktor bumiputera.

Dengan langkah-langkah ini, Kementerian Kerjaraya percaya tahap penyertaan kontraktor bertaraf bumiputera dalam projek bekalan air akan menjadi bertambah baik di masa-masa akan datang.

MAS - PERKHIDMATAN PENERBANGAN

16. **Tuan Haji Jaafar bin Haron** minta Menteri Pengangkutan menyatakan bagaimanakah Sistem Penerbangan Malaysia (MAS) menjalankan perkhidmatan penerbangannya dengan negara-negara di dunia ini:

- (i) sejak mula ianya ditubuhkan berapa buah negara dan ke negara-negara manakah MAS menjalankan perkhidmatannya;
- (ii) dalam usaha mempertingkatkan perkhidmatannya, adakah perkhidmatan penerbangannya yang baru dan ke negeri-negeri mana; dan
- (iii) sehubungan dengan itu suka saya mendapat penjelasan akan kewangannya dari segi untung ruginya untuk lima (5) tahun kebelakangan ini.

Menteri Pengangkutan [Dato Dr. Ling Liong Sik]: Tuan Yang di-Pertua, sejak mula ianya ditubuhkan, MAS telah secara berperingkat-peringkat meluaskan rangkaian perkhidmatan antarabangsa dan pada masa sekarang telahpun mengadakan penerbangan berjadual ke 25 destinasi antarabangsa di sebanyak 20 buah negara.

Di dalam usaha untuk mempertingkat dan memperluaskan rangkaian perkhidmatan antarabangnya, MAS sedang mengkaji kemungkinan untuk mengadakan penerbangan ke beberapa destinasi baru di Eropah, Australia, Kanada, India, Asia Barat dan 'Orient'. Selain daripada itu, MAS juga mempunyai rancangan untuk menambahkan jumlah penerbangannya yang sedia ada di atas beberapa sektor antarabangsa tertentu.

Suka saya memaklumkan Ahli Yang Berhormat bahawa MAS telah memperolehi, keuntungan bersih untuk 5 tahun. kebelakangan ini. Butir-butir lanjut adalah seperti berikut:-

Tahun Kewangan	Keuntungan Bersih
1982/83	\$ 10 juta
1983/84	\$ 95
1984/85	\$131.5
1985/86	\$104.9
1986/87	\$112.2

PELANCONG DARI THAI

17. **Tuan Dahalan bin Haji Embun** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan untuk menggalakkan ramai pelancong dari Negeri Thai datang ke Malaysia, sempadan harus dibuka sepenuhnya. Tetapi sekarang had masuk adalah hingga jam 6.00 petang sahaja, mengapakah arahan ini tidak dapat dipinda.

Timbalan Menteri Buruh [Dato' Wan Abu Bakar bin Wana Mohamed]:

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menjawab soalan ini bagi pihak Menteri Dalam Negeri.

Tujuan menghadkan pintu tmasuk hingga pukul 6.00 petang sahaja di sempadan Malaysia/Thailand ialah memandangkan perkara keselamatan terutama mereka yang keluar masuk. Had pukul 6.00 petang itu adalah difikirkan munasabah pada masa sekarang.

KEGIATAN RASUAH

18. **Puan Hajjah Azizah binti Haji Mohd. Said** minta Menteri Kehakiman menyatakan bahawa memandangkan kejadian kes rasuah baru-baru ini di mana seorang majistret telah didakwa oleh pegawai-pegawai BPR, sungguh memeranjatkan rakyat jelata, apakah tindakan yang akan diambil oleh pihak Kerajaan supaya kepercayaan atau keyakinan rakyat kepada yang arif dalam bidang undang-undang tidak boleh menyalahguna kuasa mereka terhadap orang awam.

27. **Tuan Haji Abdul Majid bin Haji Abdullah** minta Menteri Kehakiman menyatakan:

- (a) apakah Kementerian berkenaan ada mengenakan peraturan yang ketat kepada para hakim dan majistret berkaitan dengan perbuatan rasuah; dan
- (b) sehingga ini berapa ramai hakim dan majistret yang terlibat dan dihukum kerana kesalahan rasuah.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Oo Gin

Sun]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon izin untuk menjawab soalan ini bersama dengan soalan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Tuan Haji Abdul Majid bin Haji Abdullah yang dijadualkan untuk dijawab pada hari ini kerana perkara yang dibangkitkan adalah hampir sama.

Tuan Yang di-Pertua, peruntukan-peruntukan yang ada dalam Akta Pencegah Rasuah, 1971 adalah mencukupi untuk mengawas penglibatan kakitangan Kerajaan atau sesiapa sekalipun dalam kegiatan rasuah dan jika mereka terlibat dalam kes rasuah, tindakan akan diambil menurut peruntukan undang-undang yang ada tanpa mengira kedudukan mereka. Oleh itu Kerajaan tidak bercadang untuk mengadakan peraturan yang lain kepada para hakim atau majistret berhubung dengan perbuatan rasuah.

Selain dari hanya seorang Majistret yang telah ditangkap baru-baru ini kerana disyaki terlibat dalam kes rasuah, tidak pernah berlaku penyelewengan oleh mana-mana majistret atau hakim dalam melaksanakan tugas-tugas mereka, dan oleh itu tidak mungkin kepercayaan atau keyakinan rakyat terhadap mereka tergugat.

Tuan C. Krishnaan: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Bolehkah Timbalan Menteri beritahu Dewan yang mulia ini seorang majistret yang masih belum dibawa ke mahkamah iaitu seorang majistret yang telahpun disyaki membuat sesuatu kesalahan dan telah ditangkap oleh pihak BPR. Sudahkah beliau itu dapat dibawa ke mahkamah?

Dato' Oo Gin Sun: Tuan Yang di-Pertua, adalah benar sampai sekarang ini majistret yang berkenaan itu belum dapat ditangkap dan dihadapkan ke mahkamah oleh kerana saya difahamkan dia tidak ada dalam negara ini.

KOPERASI PENGAMBILAN DEPOSIT - PENGELUARAN KEDUA

19. **Tuan Bee Yang Sek** minta Menteri Kewangan menyatakan bilakah para penyimpan wang di koperasi-koperasi pengambilan deposit (DTC) akan menerima pengeluaran kedua dari Bank Negara sebagaimana yang telah diumumkan oleh Kerajaan.

Tuan Mohamed Farid bin Ariffin: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pembayaran kedua kepada pendeposit-pendeposit 10. Koperasi Pengambilan Deposit (KPD) yang telah mencapai persetujuan dengan institusi-institusi kewangan yang dilantik itu akan dibuat mengikut jadual sebagaimana yang telah ditetapkan dalam skim penyelamat yang dipersetujui iaitu pada bulan Januari, 1988.

Bagi 13 KPD yang lain, Kerajaan telah bersetuju pendeposit-pendeposit dibayar balik sehingga 50% daripada deposit mereka dalam bentuk tunai dan bakinya dalam bentuk saham.

Pada masa ini Bank Negara Malaysia bersama-sama dengan penerima-penerima berkenaan sedang menyiapkan butir-butir lanjut mengenai pembayaran kedua, yang mana tarikhnya akan diumumkan tidak lama lagi. Jumlah, jadual-masa serta cara-cara pembayaran akan diumumkan pada masa yang sama.

Tuan Ng Peng Hong: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Dalam pembayaran balik kepada pendeposit-pendeposit KPD itu, adakah mereka akan diberi bayaran faedah?

Tuan Mohamed Farid bin Ariffin: Tuan Yang di-Pertua, memadai- lah kalau sekiranya mereka mendapat balik pokoknya,

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masa bagi Per- tanyaan Jawab Mulut sudah pun cukup.

[Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 20 hingga 28 adalah]

RANG UNDANG-UNDANG**RANG UNDANG-UNDANG KUMPULAN WANG AMANAH NEGARA****Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga**

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbincangan yang ditangguhkan atas masalah, "Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan Kali Yang Kedua sekarang." (Ihb Disember, 1987).

Tuan Yang di-Pertua: Saya menjemput Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan menggulung jawapan beliau.

3.35 ptg.

Tuan Mohamed Farid bin Ariffin: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin mengulangi sekali lagi ucapan terima kasih saya kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian kelmarin ataupun semalam dalam membahaskan Rang Undang-undang Kumpulan Wang Amanah Negara ini.

Seperti yang saya maklumkan kelmarin, ia berpokok kepada dua asas iaitu pokok yang pertama ialah asas umum dan yang kedua asas implementasi. Atas dasar seperti yang saya terangkan semasa saya membentangkan Rang Undang-undang ini, saya telahpun menyatakan bahawa tujuan besar Kumpulan Wang Amanah Negara ini ataupun dengan ringkas Tabung Amanah Negara adalah untuk:

- (i) menentukan bahawa hasil mahsul negara yang kita kecapi sekarang dapat juga dinikmati oleh generasi kita yang akan datang, apabila kita meletakkan sebelah ataupun sebahagian daripada habuan mereka daripada keuntungan dari hasil petroleum dan hasil-mahsul yang lain seperti yang dicadangkan oleh beberapa Ahli Yang Berhormat, yang di antara lain, termasuklah hasil daripada minyak kelapa sawit, kayu balak, hasil daripada bijih timah dan sebagainya.

- (ii) Walaupun banyak Ahli Yang Berhormat mengatakan bahawa kita patut menubuhkan Tabung ini semasa negara ini mengalami kemewahan, saya ingin menyatakan bahawa, dengan izin, *it's better late than never*. Yang sebenarnya, saya merasai bahawa kemelesetan ekonomi yang telah kita alami pada tahun 1985-1986 yang lalu telah membawa hikmah kepada semua rakyat Malaysia dan oleh kerana itu, maka Kerajaan terpaksa mengambil beberapa langkah yang sesuai:
- (a) Menjimat-cermat dengan wang ringgit dan harta kita;
 - (b) Membenarkan kita berfikir dengan lebih mendalam, mencari cara-cara lain yang dapat membawa hasil ke dalam negara kita ini.

Dan seterusnya berkenaan dengan perkara implementasi, ingin saya menyatakan di *sini* bahawa kemungkinan dengan penubuhan Tabung *ini*, kita akan membawa kesedaran kepada rakyat yang berbilang kaum di dalam negara ini bahawa mereka mempunyai tanggungjawab juga untuk menyumbang terhadap pembangunan negara ini, walaupun sumbangan itu sama ada kecil ataupun besar. Oleh kerana itu, saya ingin menegaskan bahawa Tabung ini adalah Tabung untuk rakyat Malaysia, bukan seperti yang dianggap oleh beberapa Ahli Yang Berhormat ataupun rakyat biasa yang mengatakan bahawa Tabung ini ditubuhkan untuk sesuatu kumpulan sahaja. Saya ulangi bahawa Tabung ini ditubuhkan untuk rakyat Malaysia dan akan digunakan untuk faedah rakyat Malaysia, kerana inilah hasrat Kerajaan untuk menentukan bahawa rakyat Malaysia akan mendapat faedah daripada sebarang program yang dilancarkan oleh Kerajaan. Oleh kerana itu, saya ingin mengambil

kesempatan ini untuk menyarankan supaya orang-orang Melayu harus tidak, dengan izin, envious terhadap orang-orang Cina kerana kejayaan mereka dalam bidang perniagaan dan juga kepada orang-orang India tentang cara mereka berjimat-cermat, tetapi sebaliknya juga orang-orang Melayu patut belajar daripada orang-orang Cina dan India di dalam masyarakat majmuk ini tentang nilai-nilai perniagaan mereka supaya orang Melayu sendiri boleh menjadi satu masyarakat yang mempunyai nilai-nilai yang positif, yang baik terhadap perniagaan dan juga keusahawanan.

Begitu juga saya ingin mengambil kesempatan ini menyarankan kepada orang-orang Cina dan orang India supaya belajar dan faham tentang kesopanan dan kesusilaan orang Melayu, agar mereka tidak merasa sangsi tentang niat orang-orang Melayu membuat sesuatu. Bila ini berlaku, maka hasrat penubuhan Tabung Amanah ini akan tercapai iaitu supaya anak cucu kita yang akan datang akan dapat hidup dalam aman dan damai sebagai satu bangsa yang maju, sempurna dan cemerlang.

Kejayaan dan perkembangan penubuhan Tabung Amanah Negara ini adalah bergantung kepada kita dan warisan kita.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai cadangan-cadangan implementasi dan keraguan yang telah ditimbulkan oleh beberapa orang Ahli Yang Berhormat mengenai Tabung Amanah Negara ini, saya ingin mengulas secara ringkas di mana yang perlu supaya tidak timbul keraguan tentang hasrat dan cita-cita Kerajaan menubuhkan Tabung Amanah Negara ini.

Saya faham mengapa banyak Ahli-ahli Yang Berhormat telah menyentuh tentang kuasa yang diberikan kepada Yang Berhormat Menteri Kewangan di bawah Seksyen-seksyen 4, 3, 6, 7, 9 dan 14 dan

sebahagian besar daripada Ahli-ahli Yang Berhormat telah menyentuh mengenai kuasa yang diberikan kepada Yang Berhormat Menteri Kewangan di bawah Seksyen 4.

Seperti yang saya nyatakan semalam ataupun kelmarin, kata orang utara, bahawa kuasa ini adalah diberikan kepada Yang Berhormat Menteri Kewangan sebagai satu badan "the incorporated" dan dengan itu sekali gus menentukan collective responsibilitynya. Saya faham tentang keraguan yang timbul dalam fikiran Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, pengalaman yang berlaku dalam BMF, KPD dan sebagainya masih tergambar jelas. Saya ingin mengulangi sekali lagi seperti semalam juga bahawa 42 Tabung Amanah Negara yang ditubuhkan termasuk Tabung Amanah ini, 36 melalui Usul dan 6 melalui Akta adalah ditadbirkan dengan baik dan tidak pernah diselewengkan.

Contoh-contoh yang telah diberikan kelmarin adalah contoh-contoh di luar kumpulan Tabung Amanah dan jika sekiranya berlaku sesuatu yang manusia tidak dapat menduganya, maka undang-undang negara ini cukup kemas untuk menentukan supaya orang-orang yang bersabit tentang kesalahannya itu akan dibawa ke pengadilan.

Mengenai bilangan ahli-ahli Panel di bawah Seksyen 4 yang dicadangkan supaya ditambah menjadi lebih daripada 5, saya ingin menyatakan di sini bahawa yang penting ialah bukan bilangan orang yang menduduki sesuatu Panel itu, tetapi jenis orang yang mendudukinya yang patut mempunyai kualiti dan ciri-ciri yang telah disebutkan oleh banyak di antara Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian. Seperti ciri-ciri amanah yang semestinya menjadi ciri utama yang menganggotai Panel ini dan saya berani menyatakan bahawa Kerajaan melalui Yang Berhormat Menteri Kewangan Incorporated akan mengambil kira saranan Yang Berhormat-Yang Berhormat sekalian tentang orang-orang yang patut menganggotai Panel ini di bawah Seksyen 4. Sebenarnya Kerajaan sentiasa peka dan pro-aktif kepada sebarang yang mungkin dan yang disyorkan untuk membaiki keadaan tersebut untuk kebaikan bersama terutamanya mengenai dengan nilai-nilai yang patut dimasukkan ke dalam cara pentadbiran Tabung Amanah Negara ini. Apatah lagi Tabung ini dinamakan Tabung Amanah Negara dan amanahlah yang diletakkan di atas bahu ahli-ahli Panel yang akan dilantik kemudian. Yang sebenarnya amanah itu adalah amanah daripada seluruh negara.

Tuan Yang di-Pertua, ada Ahli-ahli Yang Berhormat yang mencadangkan supaya kita menggunakan wang ini untuk kegiatan penyelidikan ataupun, dengan izin, research and development (R&D) bagi sumber-sumber asli yang kian merosot dan kian pupus. Cadangan ini boleh ditimbang oleh Panel Kumpulan Wang ini setelah Kumpulan Wang ini dapat terkumpul dan dapat memberi faedah yang nyata kepada rakyat sekalian.

Sebenarnya Akta ini telahpun membenarkan penyelidikan dijalankan ke atas beberapa hasil dan juga tumbuh-tumbuhan negara ini. Salah satu tujuan penubuhan Tabung ini adalah untuk mencari jalan untuk kita menentukan bahawa hasil mahsul negara ini dapat dicari lagi supaya kekayaan negara ini tidak pupus.

Sebagai contoh kemungkinan besar wang ini akan digunakan untuk penyelidikan yang telah disebut oleh Yang Berhormat Puan Mazidah yang juga mencadangkan supaya Kerajaan menyalurkan wang yang dirampas daripada penjenayah najis dadah dimasukkan ke dalam Tabung ini. Saranan ini boleh diambil perhatian.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai kebimbangan yang kedua, yang ditimbulkan oleh beberapa orang ahli Yang Berhormat tentang 'check and balance' beberapa orang Ahli Yang Berhormat di dalam pentadbiran Tabung Amanah Negara ini, saya ingin menyatakan di sini bahawa jika kita membaca Rang Undang-undang ini dengan teliti kita akan dapati 'check and balance' telahpun termaktub di dalam Akta ini sendiri. Sekarang pun diambil kira oleh Kerajaan semasa menggubal Rang Undang-undang ini iaitu membekalkan penguasaan tiga peringkat ataupun, dengan izin, tier teers check and balance,

Pertama ialah peringkat Panel yang dilantik oleh Menteri Kewangan, dan kita sebagai Ahli-ahli Parlimen terutama Ahli-ahli Dewan Negara yang mulia ini sebenarnya patut memainkan peranan untuk menentukan bahawa pentadbiran Tabung ini perlu dijalankan dengan baik.

Yang kedua, peringkat Bank Negara yang telahpun saya tegaskan kelmarin, dan yang ketiga peringkat Parlimen.

Tentu sekali jika berlaku sebarang perkara yang tidak diingini, salah satu daripada peringkat-peringkat ini atau tiers ini, dengan izin, akan dapat mengesan perkara yang berlaku tersebut. Saya yakin Yang Berhormat-Yang Berhormat tidak harus bimbang tetapi kita patut berlapak sedikit bahawa kita hanya merancang dan Tuhan yang sebenarnya menentukan segala-galanya. Kita tidak akan tahu apa yang akan berlaku walaupun sesaat selepas ini. Insya Allah, dengan adanya ciri-ciri yang akan ditetapkan kepada ahli-ahli Panel dan 'check and balance' yang sedia ada dalam Rang Undang-undang ini maka kita harus yakin bahawa Tabung ini boleh berjalan dengan baik dan sempurna.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai kebimbangan Ahli-ahli Yang Berhormat tentang cara wang Tabung Amanah harus dilaburkan, saya ingin menyatakan supaya semua cadangan-cadangan yang dibuat oleh Ahli-ahli Yang Berhormat tentang pelaburan dalam securities ataupun saham dan sebagainya akan diambil kira oleh pihak Kerajaan semasa perjalanan Tabung ini nanti.

Mengenai dengan cadangan untuk Kerajaan Negeri menubuhkan juga-Kumpulan Tabung Amanah masing-masing, saya tidak ingin mengulas dengan panjang lebar, hanya sekadar berkata bahawa terpulanglah kepada kebijaksanaan Kerajaan Negeri masing-masing untuk menubuhkan atau tidak sesuatu Tabung Amanah Negeri mereka.

Mengenai cadangan daripada Yang Berhormat Puan Salbiah daripada Pulau Pinang yang mencadangkan supaya wang yang tidak dituntut daripada sebarang Tabung seperti KWSP dan sebagainya harus dimasukkan ke dalam Tabung ini, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, ini telahpun

ada peraturannya di bawah "Unclaimed Monies Acts" yang sekarang pun sudah memadai.

Mengenai cadangan daripada Yang Berhormat Tuan Mustafa Awang yang mencurigai tentang sumbangan daripada PETRONAS di peringkat permulaannya tidak besar, hanya \$100 juta katanya, dan dicadangkan supaya dinaikkan kepada \$1,000 juta, ingin saya menyatakan di sini bahawa \$100 juta itu hanyalah pelaburan awal dan sebenarnya adalah daripada keuntungan PETRONAS dan kita boleh menerima sebarang sumbangan lain daripada mana-mana pihak. Seksyen 5 sebenarnya membolehkan kita berbuat demikian.

Ketika ini pun kita telah bermula dengan langkah yang pertama dan saya jangka langkah yang pertama ini akan membawa ke langkah yang keseribu dan mungkin kesejuta. Dan ingin saya tegaskan di sini bahawa kesangsian yang menyatakan bahawa Tabung ini mungkin akan digunakan sebagai alat untuk menampung perbelanjaan negara agak terkeluar daripada perbincangan kita hari ini.

Saya bersetuju dengan Yang Berhormat Tuan Haji Shaharom yang menyatakan bahawa Tabung ini adalah seakan-akan atau, dengan izin, "akin to" dengan Baitulmal. Maka dengan itulah saya menyokong pendapat beliau yang menyatakan bahawa sejarah mempunyai hubungan rapat dengan masa ini dan masa hadapan. Oleh kerana itulah, oleh kerana kita pro-aktiflah maka kita melancarkan penubuhan Tabung Amanah Negara ini.

Mengenai cadangan Yang Berhormat Tuan Dahalan bin Haji Embun meminta kita menentukan jangka masa ataupun tenure, dengan izin, ahli Panel yang dilantik mengikut sesuatu masa yang terhad bolehlah dipertimbangkan apabila Tabung ini dijalankan dengan sepenuhnya.

Akhir sekali, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyatakan di sini bahawa mengikut Rang Undang-undang ini, dan jika diluluskan akan menjadi suatu Akta, Tabung ini selama 10 tahun dan kita jangka 10 tahun nanti terkumpullah sejumlah wang yang dinamakan Kumpulan Wang Amanah Negara yang akan menjadikannya sebagai satu kumpulan yang besar dan kita berdoa agar Tabung yang bernilai ini akan menentukan bahawa warisan kita nanti akan menikmati kebaikan-kebaikan dan kekayaan-kekayaan negara.

Cadangan-cadangan lain untuk melanjutkan raasa menggunakan wang ini daripada 10 tahun kepada 20 tahun saya rasa agak terlalu panjang. Kita mahu Tabung ini berkembang besar dan 10 tahun adalah memadai untuk kita berkembang dan terus berkembang.

Sebagai penutup saya ingin sekali lagi mengucapkan terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak boleh saya sebutkan namanya satu persatu di dalam Dewan yang mulia ini yang telahpun meraberi sokongan, cadangan dan juga buah fikiran tentang penubuhan Kumpulan Wang Amanah Negara dan saya berdoa agar langkah kita hari ini akan menentukan nasib warisan kita akan datang. Sekian.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

[Tuan Yang di-Pertuan mpengerusikan Jawatankuasa]

Fasal 1 hingga 15 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan:dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG BIL PERBENDAHARAAN (TEMPATAN)(PINDAAN)**Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga****3.52 ptg.**

Tuan Mohamed Farid bin Ariffin: Tuan Yang di-Pertua, saya memohon mencadangkan bahawa satu Rang Undang-undang bernama satu akta bagi meminda Akta Bil Perbendaharaan (Tempatan) 1946 dibaca kali yang kedua.

Rang Undang-undang berkenaan adalah bertujuan untuk memindahkan kuasa menaikkan had berkanun pinjaman bagi pengeluaran Bil-bil Perbendaharaan daripada Parlimen kepada Yang di-Pertuan Agong. Had berkanun ini boleh dipinda dan ditetapkan oleh Yang di-Pertuan Agong atas nasihat Jemaah Menteri dari masa ke semasa dengan perintah yang akan dibentangkan di Dewan Rakyat seterusnya.

Sebagaimana Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum, pinjaman tempatan yang terdiri daripada Sekuriti Kerajaan, Bil-bil Perbendaharaan dan Sijil Pelaburan Kerajaan, merupakan sumber kewangan penting bagi Kerajaan Persekutuan dalam membiayai perbelanjaan pembangunan negara. Bil-bil Perbendaharaan adalah sumber kewangan jangka pendek yang boleh didapati dengan kadar diskaun yang rendah iaitu dalam lingkungan 2.5% hingga 3% purata bagi tahun ini. Oleh itu, adalah wajar bagi Kerajaan untuk terus meminjam dari sumber ini untuk keperluan kewangannya dari masa ke semasa.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, pengeluaran Bil Perbendaharaan adalah juga bertujuan untuk memenuhi keperluan kecairan bagi institusi-institusi kewangan. Bil-bil Perbendaharaan merupakan satu instrument, dengan izin, kewangan yang penting bagi kegiatan pasaran kewangan tempatan, satu pasaran kewangan tempatan jangka

pendek di negara ini. Untuk menentukan supaya pasaran kewangan terus berkembang, jumlah Bil-bil Perbendaharaan adalah perlu ditambah dari masa ke semasa untuk memenuhi keperluan pasaran tersebut. Jumlah pinjaman yang akan diperolehi melalui Akta Bil Perbendaharaan (Tempatan) 1946 bagi membiayai perbelanjaan pembangunan ini di bawah Rancangan Malaysia Kelima serta rancangan-rancangan pembangunan negara di masa hadapan adalah dijangka akan melebihi had berkanun yang ditetapkan dalam Akta ini sekarang iaitu \$5,000, juta. Oleh kerana had berkanun pinjaman akan dipinda dari masa ke semasa, adalah wajar supaya pindaan dibuat dalam Akta ini untuk memperuntukkan kuasa kepada Yang di-Pertuan Agong bagi menentukan had berkanun pinjaman tersebut dari masa ke semasa mengikut nasihat Jemaah Menteri, dengan peraturan ini, rujukan berulang kali kepada Parlimen yang perlu dibuat, sekiranya had berkanun di-pinda akan dapat dikurangkan. Peruntukan ini akan memudahkan dan melicinkan bagi peraturan pengeluaran Bil-bil Perbendaharaan oleh Kerajaan bagi membiayai perbelanjaan pembangunan negara.

Dengan pindaan yang dicadangkan ini, penentuan had berkanun dalam Akta Bil Perbendaharaan (Tempatan) 1946 adalah selaras dengan peruntukan di bawah Ordinan Pinjaman (Tempatan) 1959, Akta Pinjaman (Luar Negeri) 1963 dan Akta Lanjutan Kredit 1966 yang mana semuanya memberi kuasa kepada Yang di-Pertuan Agong untuk menetapkan had-had berkanun pinjaman di bawah Akta-akta itu dari masa ke semasa.

Memandangkan perkara-perkara yang tersebut, adalah wajar Akta Bil Perbendaharaan (Tempatan) 1946 dipinda bagi memperuntukkan kuasa kepada Yang di-Pertuan Agong untuk menetapkan had berkanun pinjaman mengikut nasihat Jemaah Menteri.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Tuan Haji Husein bin Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah satu Akta untuk meminda Akta Akta Bil Perbendaharaan (Tempatan) 1946 dibaca kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas.

3.57 ptg.

Tuan Haji Shaharom bin Haji Maasom: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk mengambil bahagian membahaskan satu Akta untuk meminda Akta Bil Perbendaharaan (Tempatan) 1946 yang memberikan kuasa kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan nasihat Jemaah Menteri untuk meminda membolehkan Kerajaan meneruskan mencari pinjaman wang untuk meneruskan usaha pembangunan negara dan pembangunan untuk memberikan kesenangan dan keselesaan kepada rakyat terutama sekali apabila kita sekarang menghadapi rancangan pembangunan negara, Rancangan Malaysia Kelima.

Tuan Yang di-Pertua, sepintas lalu Akta untuk meminda Akta Bil Perbendaharaan (Tempatan) 1946 ini tidak memerlukan kepada banyak cerita untuk meluluskannya, tetapi apabila kita merenung ke dalam, erti Bil-bil Perbendaharaan yang mana wang itu akan digunakan untuk pembangunan negara di masa-masa akan datang dengan tidak payah merujuk kepada sidang-sidang Dewan Rakyat dan Dewan Negara, ini menunjukkan satu tanda bahawa Kerajaan kita akan lebih cepat, lebih pantas di dalam menyelesaikan masalah-masalah yang dihadapi oleh rakyat dan negara.

Saya menyokong Akta ini untuk diluluskan dan saya berharap apabila Akta ini diluluskan dan dengan sendirinya Bil-bil Perbendaharaan ini akan lebih mudah dan lebih cepat dilaksanakan oleh pihak pelaksana jentera Kerajaan, Kementerian-kementerian, Majlis-majlis Tempatan, Jabatan-jabatan dan Lembaga-lembaga Badan-badan Berkanun yang ada hubungan terus dengan pembangunan kita tidak akan menghadapi lagi masalah-masalah seperti yang pernah kita hadapi di tahun-tahun yang lalu. Insya Allah, dengan adanya sistem secara ini akan memudahkan Kerajaan untuk mengadakan peruntukan-peruntukan menunaikan tanggungjawabnya, menunaikan kandungan manifesto di dalam pilihanraya yang lalu kerana kita tidak mahu setelah 30 tahun kita merdeka, rungutan-rungutan rakyat akan tertulis, terpampang secara besar-besaran di surat-suratkhabar, rasa tidak puas hati dilaungkan di mana-mana sahaja ada perjumpaan-perjumpaan orang ramai baik pendokong/penyokong Kerajaan, apatah lagi pembangkang dan penentang Kerajaan. Ini ialah usaha Kerajaan untuk melicinkan jentera Kerajaan yang berpusat di Perbendaharaan ini untuk menyegerakan dan untuk menghayati apa yang dikehendaki sekarang ini perkhidmatan cemerlang. Perkhidmatan cemerlang ialah berkhidmat secara bersih, secara cepat untuk negara dan untuk rakyat tergantung kepada semua pihak.

Selama ini terutama beberapa tahun akhir-akhir ini apabila kita mendengar saranan-saranan mengenai dengan bersih, cekap dan amanah, ini seolah-olah kena kepada bahu mereka yang menjadi pegawai dan kakitangan Kerajaan semata-mata dan apabila diadakan slogan "Khidmat Cemerlang" seolah-olah tanggungjawab kepada mereka yang makan gaji kepada Kerajaan semata-mata dan apabila diadakan seruan

penerapan nilai-nilai-Islam dalam pentadbiran seolah-olah di pihak pentadbir sahaja yang hendak diterapkan dengan nilai-nilai Islam, nilai-nilai bersih, jujur, amanah, cekap, tidak membuang masa, tidak merabazir belanja dan sebagainya. Dan apabila diadakan seruan supaya melipatgandakan pengeluaran seolah-olah ini di atas bahu mereka yang memegang teraju satu-satu badan lembaga yang ada pengeluarannya sahaja. Sampai masanya sekarang ini, Tuan Yang di-Pertua, kita menekankan masalah ini kepada semua rakyat jelata, bukan kepada satu pihak yakni pegawai dan kakitangan Kerajaan sahaja.

Saya mengambil sebahagian daripada ucapan Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan sebentar tadi. Orang Cina keturunan Cina mesti belajar dari orang Melayu dari segi kesopanan dan kesusilaan, orang Melayu mesti belajar daripada orang Cina dari segi kegigihan berniaga dan berjimat-cermat dari orang kaum India. Ini ucapan Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan sebentar tadi.

Kalau ini kita amalkan dan kalau ini kita terapkan dan kalau ini kita masukkan ke dalam matapelajaran sekolah daripada anak-anak di kelas Tadika sehingga ke pusat-pusat pengajian tinggi, kita tidak akan menghadapi masalah ketegangan sepertimana yang berlaku baru-baru ini menyelubungi negara kita.

Saya mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih dan syabas kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kerana segera kembali ke tanah-air apabila negara menghadapi keadaan tegang dan mengisytiharkan di Dewan Rakyat keadaan yang berlaku pada masa itu. Ketegangan yang berlaku di dalam negara kita sepertimana yang diterangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri selaku Menteri Dalam Negeri yang sebenarnya tidak disedari oleh orang ramai. Hanya pada beberapa hari sebelum itu orang ramai terutama di sekitar Lembah Kelang

merasa geger dengan satu kejadian di kawasan Chow Kit, dikhabarkan beberapa mayat telah bergelimpangan di Jalan Tuanku Abdul Rahman pada pukul 11.00 malam dan paginya lagi mayat bergelimpangan, Orang-orang yang hendak turun kerja ke Kuala Lumpur daripada Seremban patah balik, daripada Banting/Kelang, patah balik mengatakannya di Kuala Lumpur sudah berlaku kekacauan. Tetapi apabila diterangkan bahawa kejadian itu ialah kerana kelakuan seorang budak askar kita yang melarikan diri daripada kem dengan membawa selaras senjata bersembunyi di sebuah bangunan di kawasan Kampung Bahru, keadaan reda. Tetapi apa yang berlaku sebelum itu di seluruh negara?

Saya sendiri mendapat panggilan-panggilan telefon daripada beberapa sahabat daripada selatan, daripada Batu Pahat, daripada Pontian, Muar, sahabat-sahabat saya daripada Changloon, daripada Perlis, daripada Besut, Terengganu, Rantau Panjang bertanya apa sudah jadi di Kuala Lumpur. Rusuhan apa yang sudah berlaku. Berapa mayat yang telah terkorban. Saya kata: "Saya tak tahu apa-apa". Saya kata: "Sebagai seorang Ahli Senat saya rasa kalau berlaku darurat tentulah ada orang yang memberitahu." Saya kata: "Saya tidak diberitahu apa-apa", sehinggalah berita tengahari mengatakan prebet Adam punya angkara. Jadi keadaan lega.

Tetapi yang sebenarnya yang menimbulkan lagi satu suasana ialah kerana pada hari itu juga ada Kementerian yang telah mengarahkan Jabatan-jabatan di bawahnya supaya bersiap dengan bekalan untuk selama 3 bulan. Saya panik. Saya tidak tahu adakah arahan itu daripada Menteri atau arahan itu dikeluarkan secara bagaimana.

Hospital Daerah Banting diperintahkan supaya mengorder barang-barang keperluan pesakit seperti makanan, minuman, susu, beras untuk tiga bulan. Seolah-olah kita akan menghadapi satu emergency, satu keadaan tiga bulan yang tidak aman. Saya kata ini satu kerja yang tidak patut berlaku. Jadi, apabila berita prebet Adam Jaafar sudah selesai, arahan itu tadi mengatakan kerana kita akan menghadapi banjir, Bekalan itu untuk menghadapi banjir. Banjir pun tetapi Banting tak pernah banjir. Hospital Tengku Ampuan Rahimah, Kelang tak pernah menghadapi banjir, kenapa pula diperlukan bekalan untuk tiga bulan. Orang ramai keliru dengan hal itu, sedangkan orang yang duduk di bilik hawa dingin juga keliru dengan keadaan semacam itu. Inilah keadaan tegang, apa lagi keadaan tegang ini diikuti dengan suasana-suasana negara yang terlalu dipolitikkan sehingga politik ini sampai ke jalan-jalan dan ke pasar-pasar.

Kita tidak menafikan memang hak rakyat di mana sahaja boleh berpolitik tetapi apabila suasana negara terlalu dipolitikkan, benda yang kecil dibesar-besarkan, benda yang samar-samar dinyatakan, benda yang -tidak tidak ada diada-adakan, keadaan menjadi kelam-kabut. Keadaan menjadi kelam-kabut, keadaan menjadi haru-biru.

seagama, tetapi tidak bersaudara. Jadi, dia bertanggungjawab sebagai jiran dan seagama. Satu lagi tanggungjawab kepada jiran yang tidak seagama dan tidak adik-beradik. Jadi maknanya orang Melayu berjiran dengan orang bukan Melayu keturunan Cina atau keturunan India, Kadazan, Iban dan sebagainya. Ada tanggungjawab di situ untuk menjaga sama-sama, seperti mana saya dengar dalam satu wawancara melalui *Telivisyen Malaysia*. Macam mana persefahaman kita bertetangga, berjiran di dalam taman-taman perumahan ini. hendak baik kerana setiap rumah ditembok begitu "eksklusif" temboknya sehinggakan orang sebelah pun tidak nampak muka orang sebelah. Ini kita kena betulkanlah. Kalau dalam sesebuah negara ada undang-undang melarang rumah-rumah ditembok sehingga tidak nampak rumah sebelah kecuali rumah-rumah tertentu sahaja. Jadi, kalau kita hendak mengadakan perasaan harmoni antara jiran dengan jiran yang sebelah, undang-undang tembok-menempok ini. Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan perlu mengadakan garis panduan.

Kata orang siapa yang ada duit dia boleh buat tembok, suka hati dia, hendak buat tembok dari marmarkah, terazokah, marble dari Itali, dia punya fasal, tetapi kesannya, dari kita hendak menanam perasaan perpaduan, keharmonian dalam masyarakat tidak akan sampai. Itu yang di bandar, di kawasan-kawasan yang bukan bandar, bukan kampung di pinggir-pinggir bandar atau bandar-bandar yang baru dibangunkan, di taman-taman perumahan yang rumahnya dibina daripada rumah-rumah murah, rumah-rumah sederhana di kawasan-kawasan yang bukan kampung, bukan bandar, di rumah-rumah setinggan, ini juga menghadapi masalah seperti ini, untuk menanamkan rasa persefahaman, keharmonian dan untuk hendak mengelakkan supaya ketengangan khabar-khabar angin, rasa curiga tidak berlaku.

Di kampung aman damai, apabila saya dengar pengumuman Yang pengumuman Yang Amat Berhormat Perdana Menteri di Dewan Rakyat yang disiarkan terus melalui talivisyen, pada petang itu saya berada di Parit Sulung, di Batu Pahat, Johor. Orang sana kata, "tegang" apa ya? "Loh di sini tidak ada apo-apo, kok tegang", kata orang Parit Sulung. Di Kuala Lumpur kata Perdana Menteri negara tegang, kata orang Parit Sulung, orang Parit Warijo, saya ada di Parit Warijo, Mukim 18 pada masa itu. "Tegang aponyo - aponyo yang tegang - yo?". Rakyat tidak dapat menerima ucapan Yang Amat Berhormat: Perdana Menteri di Dewan Rakyat yang mengatakan suasana negara tegang, kerana penerimaannya lain. Yang di Kuala Lumpur, di Kampung Pandan, di Kampung Baru, sudahlah peristiwa Prebet Adam tadi sudah menjadi kecoh, sasau. Yang di kampung **ini**, pengumuman sudah dibuat oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, dia kata, "aponyo yang tegang?" Apabila sudah berlaku tangkapan-tangkapan, saya merasa malu.

Saya merasa malu kerana yang ditahan, yang ditangkap itu ialah Ahli-ahli Yang Berhormat, orang-orang yang diberi kepercayaan oleh pengundi duduk di Dewan Rakyat, Dewan Negara ini ada tak?

Tuan Yang di-Pertua: Satu.

Tuan Haji Shaharom bin Haji Maasom: Ada satu. Orang yang diberi kepercayaan oleh D.Y.M.M. Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong sebagai pemimpin, ini yang saya rasa dukcita. Orang yang diberi kepercayaan oleh rakyat menang dalam pilihanraya sebagai pemimpin rakyat dan orang yang duduk dalam Dewan Negara yang dilantik oleh D.Y.M.M. Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, sebagai seorang Ahli Senate, yang menjadi pemimpin rakyat didapati setelah pihak Polis, setelah pihak Special Branch mengadakan intipan demi intipan, ekoran demi ekoran mereka ini. menjalankan kegiatan-kegiatan yang merugikan negara, yang menimbulkan ketegangan dalam negara, ini yang kita sedih. Sepatutnya kita berdiri di depan rakyat mari kita bersatu-padu, pilihanraya sudah selesai, sekarang kita mahu merabangun, semua orang mahu isi kocek dengan duit, semua orang mahu beri anak cukup makan, semua orang mahu hantar anak pergi sekolah. Semua orang mahu pakai baju cantik, semua orang mahu beli Proton Saga Aeroback, patut kita bercakap begitu - ini tidak, pergi ke pasar Pontian mengadakan rapat umum, kita mesti tentang Kerajaan, pergi di pasar Senai, pergi di pasar Bandar Penggaram, pergi di pasar Melaka, ini yang dikatakan 'politik jalangan geng kebo'. Saya kata 'geng kebo' iaitu geng kerbau, kerbau apabila sudah naik minyak macam itu.

Saya sedih dengan keadaan sikap, sifat pemimpin-pemimpin yang seperti itu, pemimpin yang mendabik dada tahu segala-galanya, faham

segala-galanya mengerti segala-galanya, di satu pihak kita meluluskan duit untuk projek pembangunan, kakitangan Kerajaan, pegawai. Kerajaan dalam bidang ini. bertungkus-lumus hendak menjayakan projek pembangunan untuk negara dan rakyat termasuk dirinya juga, di satu pihak, pihak keselamatan, pihak Polis meneliti.

Saya mengucapkan setinggi-tinggi. terima kasih dan syabas kepada 'Polis Bukit Aman', Kementerian Dalam Negeri yang cepat membuat laporan kepada Menteri Dalam Negeri, kepada Perdana Menteri, kalau tidak apa akan berlaku kepada negara kita? Apakah kita sudah lupa kepada peristiwa trajidi. berdarah 13hb Mei, 1969? Kerana mulut yang celupar, kerana tidak dapat menahan emosi, kerana perkataan satu kalimah yang di.sebut "Melayu boleh balik kampung jadi sakai.". Apakah kita lupa dengan ini?

Saya pada masa tahun 1969 masih gagah, saya sedang remaja, saya menjadi. wakil calon kepada Dato' Harun di Morib pada masa itu - hibat. Tetapi apabila diminta datang ke Kuala Lumpur untuk makan Satay, setelah kemenangan pilihannya pada 10hb Mei, 1969 rupanya lain yang dihadapi dan kita terpaksa membentuk Kerajaan MAGERAN selama 22 bulan. 22 bulan tidak ada persidangan, tidak ada mesyuarat, tidak ada Parlimen, tidak ada Dewan Negeri. Apakah kita mahu itu? Maka dituduh pula pemimpin, dituduh Perdana Menteri. diktator, kuku besi, padahal semalam Yang Amat Berhormat Perdana Menteri selaku Menteri Dalam Negeri boleh mengisytiharkan darurat negara, negara darurat, keadaan tegang, tangkap 90 orang termasuk 20-30 orang MP-MP, Ahli. Dewan Negara - habis Dewan Rakyat tutup, Dewan Negeri. tidak ada, mesyuarat tidak boleh, Dato' Seri Dr. Mahathir pegang kuasa 10 tahun - boleh, tetapi. kerana Dato' Seri Dr. Mahathir seorang manusia yang cukup luas pandangannya, seorang pemimpin yang menyedari hakikat politik dalam negara kita dalam

masyarakat majmuk, cukup setakat mengisytiharkan negara dalam keadaan tegang dan kita menahan beberapa orang-orang tertentu yang menghasut masyarakat, menghasut orang ramai melakukan ketegangan antara kaum, kita khuatir keadaan-keadaan huruk berlaku, maka kita tahan mereka buat sementara waktu sehingga keadaan aman. Alhamdulillah sekarang aman - tidak ada apa-apa, tidak ada apa-apa yang membingungkan orang ramai dan penghidupan berjalan seperti sedia-kala. Apabila keadaan tegang tidak ada lagi, apabila keadaan penghidupan berjalan seperti sediakala, perjumpaan parti-parti di.boleh-kan, perjumpaan orang ramai dibolehkan, timbullah lagi minta projek, minta itu, minta ini - duit tidak ada, zaman meleset.

Apabila timbul zaman meleset hendak kena minta lulus Parlimen, Dewan Rakyat, Dewan Negara luluskan peruntukan tambahan. Jadi, Bil ini ialah untuk membolehkan supaya tidak berulang-kali. peruntukan yang dibuat setiap tahun di dalam Belanjawan Negara itu di.ulangkali, melambatkan, leceh kerjanya. Padahal mesyuarat Parlimen, mesyuarat Dewan Negara ini pun kadang-kadang pun di.kira macam leceh juga, perkara yang boleh diputus 2 minit di.panjang-panjangkan, Bil ini boleh lulus 2 minit, tetapi terpaksa kita panjangkan biar 2 hari. kerana ini tempat kita bercakap. Adanya negara mesti ada wang ada wang datang dari mana? Itu duit mahu buat apa? Kalau tidak betul kita cakap, ini. kita panjang-panjangkan. Kita kena cakap banyak-banyak, kena cakap masalah-masalah yang mesti disampaikan kepada Kerajaan, fahamlah siapa Kerajaan, Kerajaan yang membuat dan melaksanakan,

30 tahun kita sudah merdeka, kita masih dengar lagi. tangisan rakyat di desa, 30 tahun merdeka kita dengar lagi tangisan kaum nelayan, 30 tahun merdeka kita dengar lagi. tangisan penanam padi.,

penoreh getah dan setelah kita katakan bahawa kita mencapai ke tahap negara membangun, kita punya hasil bumi. yang besar, iaitu petroleum, kita sekarang mendengar tangisan puluhan ribu siswazah. Ke mana kita mahu pergi? Ke mana kita mahu bawa negara? Ke mana kita mahu bawa rakyat? **Ini.** tanggungjawab setiap kita - "Tuadul amanati illa ahliha".

Baru-baru ini seorang cerdik pandai bercakap mengatakan bahawa "kaum wanita ditempatnya diasuh, baliklah ke rumah, berilah peluang kepada orang lelaki mencari nafkah bekerja".

Sebuah Pejabat Tanah di dalam negara kita ini daripada 30 orang kerani, hanya seorang lelaki, yang 29 wanita. Jururawat-jururawat tak usah kita sebut, guru tak usah kita sebut "qulilhaq walaukana mura" - ertinya, bercakaplah yang benar walaupun sedih, sakit, pahit - tidak apa. Kalau ibu-ibu mahu anak-anak lelakinya yang sudah lulus sekolah tinggi, SPM, STP, siswazah luar negeri. dan dalam negeri. bekerja, ibu yang bekerja itu mesti berhenti untuk memberikan peluang kepada anaknya bekerja - "qulilhaq walaukana mura". Saya bercakap yang benar walaupun sakit didengar oleh telinga. Kalau pegawai-pegawai. wanita misalnya kerani-kerani atau pegawai-pegawai. yang di bawah punya adik-adik yang sudah keluar dari universiti tidak bekerja, kalau dia itu tadi bekerja setakat hendak membantu suaminya, sedangkan anaknya juga dijaga oleh orang lain, dia sepatutnya rela meletakkan jawatan supaya adiknya boleh bekerja.

Ya, ini kita kena fikir, kalau tidak di mana kita hendak meletakkan orang ini. Sedangkan pemimpin kata kita terpaksa kena bayar pencen \$800 juta dan mungkin akan naik sampai \$2,000 juta satu masa yang akan datang. Nasib baik kita sudah luluskan Akta Wang Tabung Amanah Negara untuk hendak menyelamatkan masalah seperti itu. Kalau tidak, jadi saya merayu, saya menyeru, saya meminta, saya titiskan air mata saya kepada wanita-wanita supaya merenung masalah ini, jangan emosi, jangan kata hak kami sama dan hak kami jangan. dirampas, kami sama hak mengundi - jangan. Fikir nasib anak-anak, fikir nasib anak-anakmu, fikir nasib adik-adikmu, fikir nasib ipar-iparmu, fikir nasib anak-anak buahmu di kampung-kampung. Fikir-fikir, renung, malam-malam kita sembahyang Istikharah tengok bagaimana keadaan. Wanita yang ada profesion khas terus jalan, ini keperluan negara. Kalau kita menyedari hakikat ini. Daripada 12 atau 20 atau 30 ribu siswazah menganggur berapa lelaki berapa perempuan, kita kena kaji yang ,baik bagi tempat yang baik. PETRONAS boleh ambil 600 orang. Hendak suruh jadi nelayan laut dalam budak-budak ini tidak akan mampu hendak tarik pukot.

Saya membuat kajian seminggu di pantai Terengganu. Apakah benar ada siswazah kita yang sanggup menceburkan diri sebagai nelayan, ikut-ikut sebagai nelayan ganti awak-awak boleh seminggu, dua belajar main-main ke laut. Kalau hendak terus menjadi nelayan sehingga dia akan mempunyai anak cucu dia terpaksa menengok wajah di air laut pagi dan petang. Adakah muka aku ini telah bertukar corak, kenapa pula kita masih menggalakkan lagi anak-anak kita belajar sampai sekolah tinggi terus tidak cukup dengan satu universiti dua, tiga, empat, lima, enam, tidak cukup enam kita hantar ke luar negeri. Kita terus hantar ke luar negeri. Ini kita kena fikir.

Jadi, saya khawatir, ini perancang satu hala, orang yang merancang ini merancang sahaja kerjanya, merancangkan budak-budak sekolah, satu tahun 400,000 yang akan sampai ke universiti sekian puluh ribu, terpaksa dirancang hantar ke luar sekian ribu nanti balik akan pegang jawatan ini sekian ribu. Tetapi sepertimana kata Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan tadi kita mentadbir, Allah Taala mentakdir.

Takdir Allah Taala jangan hendak dinafi, jangan hendak ditolak, kita mentadbir hantar belajar 20,000 sekali balik takdir Allah Taala tidak ada jawatan kosong kecuali orang-orang yang ada sekarang berfikir, ini fikir kalau boleh bersara, bersaralah, biarlah tempat itu dikosongkan, diisi oleh anaknya, diisi oleh adiknya, diisi oleh iparnya, diisi oleh anak buahnya bukan orang lain, bukan kita hendak ambil daripada Fiji, bukan kita hendak ambil anak buah Brigadier Rabuka. Kalau diingatkan masa anak buah Brigadier Rabuka di Batu Pahat dahulu hebat ceritanya tetapi apabila kita hantar wartawan buat tinjauan lain ceritanya. Saya orang Batu Pahat, saya tahu bagaimana askar-askar Fiji di Batu Pahat, mereka membuat kem di Batu 3, Jalan Berole dekat dengan kampung Istana. Apa yang berlaku di sekitar bandar Penggaram pada masa itu selain daripada mereka boleh menembak komunis tujuh, lapan orang tetapi berapa kerosakan yang sudah dibuat dari segi yang lain. Tanya anak-anak Rabuka di situ ada. Ini sejarah, tidak boleh hendak nafikan, tidak boleh hendak lari, tetapi apabila kita hantar wartawan dia cerita yang baik-baik sahaja.

Kemudian kita dengar Kementerian Pertahanan akan mengambil siswazah menjadi pegawai. Berapa orang MINDEF boleh ambil, KEMENTAH boleh ambil berapa orang. Dahulu, kita kata anak-anak kita perlu belajar Sains. Sekarang banyak anak-anak kampung, anak-anak desa pendalaman yang lulus Sarjana Muda Sains ini yang dikatakan mahu dijadikan siswazah dan berapa orang yang mahu bertani.

Kita minta jadikan Lembaga Jagung Negara supaya ini menjadi satu gambaran yang baik kalau kita import jagung sekian ratus juta. Cuba ini kita buat dahulu, selesaikan \$300 juta membeli jagung sebagai makanan ternakan kita dalam negara kita ini kita tutup dengan kita keluar daripada negara, dalam negara kita cuba buat. Tetapi jawapan Menteri Lembaga Jagung Negara itu tidak jadi hendak buat. Saya telah bercakap dalam sesi mesyuarat kita yang lalu, saya kata kalau orang tidak mampu beri saya \$10 juta, pinjamkan saya \$10 juta, saya akan kerahkan tenaga-tenaga muda yang ada pengetahuan ini untuk menjadi saudagar-saudagar jagung untuk mengatasi jagung dalam negara kita yang kita import daripada luar negeri.

Disebut tanah terbiar sekian puluh ribu, 100,000 hektar, sebut-sebut tidak sudah-sudah dengan sebut, apabila menyebut itu rupanya pergi kepada Bil Perbendaharaan hendak duit. Apabila hendak duit terpaksa Parlimen meluluskan, Dewan Negara meluluskan, jadi kita kena bercakap. Sebab setiap Bil ini diperbuat oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan nasihat dan persetujuan Dewan Negara dan Dewan Rakyat. Jadi inilah kami bercakap sebagai nasihat - setuju, setuju, tetapi sebelum setuju kami beri nasihat, sama ada nasihat itu merupakan pandangan, nasihat itu merupakan kritikan, nasihat itu merupakan permintaan, itu terserah kepada penerimaan Kerajaan. Itu tanggungjawab kita. Tanggungjawab

kami di dalam Dewan Negara ini ialah sebagai penasihat kepada Kerajaan. Jadi, kami adakan 25 tahun Parlimen Malaysia, Dewan Negara Malaysia, tetapi timbul satu ucapan, satu cadangan, satu percakapan mengatakan Dewan Negara tidak ada nilai, macam rubber-stamp sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, kalau hendak tahu nilai atau tidak ada nilai, rubber-stamp atau tidak rubber-stamp Dewan Negara ini, kita dengarlah bahasan-bahasan dan ucapan-ucapan. Itulah apa boleh diukur, bukan boleh diukur dari segi pakaian. Kalau hendak diukur dari segi pakaian, Ahli-ahli Dewan Negara tidak berjubah, kalau berjubah saya boleh pakai jubah yang macam Al Malek Saud pakai. Saya panjangkan sedikit janggut saya serupa macam Putera Fahd. Kalau hendak dinilai dari segi pakaian. Kalau dinilai dari segi kenderaan memang Ahli-ahli Dewan Negara tidak mampu hendak pakai Mercedes 350. Dia boleh pakai Proton Saga atau Mercedes cabuk yang harga \$20,000 itu pun pinjaman melalui Parlimen. Kalau nilai dari segi itu, kalau nilai dari segi rumah kediaman pun kami tidak boleh dinilai sebab Ahli Dewan Negara ini ada yang pakarnya mengenai FELDA dia duduk di FELDA, rumahnya rumah peneroka. Saya orang miskin, saya duduk rumah murah, rumah teres yang harganya \$8,000. Sekarang apa ada rnakna kalau hendak dinilai dari segi itu. Tetapi kalau hendak dinilai dari segi perbahasan kami menyampaikan masalah rakyat kepada Kerajaan, membongkar sesuatu perkara yang mesti didedahkan dalam Dewan yang tertutup ini yang hanya mata dan telinga Kerajaan sahaja yang boleh raendengar, beri peluang Haji Shaharom bercakap tiga hari [**Tepuk**].

Insyah Allah, setakat 5 jam, 6 jam, 9 jam Haji Shaharom boleh bercakap kalau hendak dinilai dari segi bercakap. Sebab kami hanya diminta untuk bercakap. Waktu saya dilantik mendapat telegram sebagai Ahli Dewan Negara saya telah terkejut, saya bertanya profesion apa saya diambil dilantik oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong sebagai Ahli Dewan Negara, Ahli Senate. Saya akan memakai title 'Yang Berhormat'. Kereta saya mempunyai lambang. Dia kata Yang Berhormat kena tanya dengan P.M. Saya terpaksa tanya P.M. Dato', atas profesion apa saya dilantik? Oh, you rajin round negeri, tahu masalah kampung, you cakap dalam Dewan. Ini saya cakap masalah kampung. Saya cakap masalah jambatan yang tidak siap, jambatan gantung yang tidak dibuat, titi patah yang tidak ganti, kampung banjir yang paritnya tidak digali, sungai sebu yang tidak dikorek, FELCRA yang telah dibuka orang tidak masuk, peneroka FELDAnya yang menangis jalan tar tidak siap, kampung yang gelap tidak ada api elektrik, masih banyak, apakah Tuan Yang di-Pertua minta saya menyebut nama-nama kampung-kampung itu. Insyallah kalau dibolehkan.

Saya akan sebutkan nama-nama kampung daripada Penggerang, Johor sampai ke Kuala Besut, Terengganu. Daripada Kukup, Pontian sampai ke Padang Besar, Sungai Batu Pahat, Perlis, nama-nama kampung yang belum ada jalan, yang belum ada api, yang belum ada air, nama-nama kampung yang belum ada klinik. Ini asas yang rakyat mahu. Sebab itu kita berjuang mahu merdeka, rakyat cuma mahu ini. Rakyat tidak hendak pencen. Rakyat tidak hendak minta wang persaraan, rakyat tidak minta wang pampasan, rakyat cuma minta jalannya senang naik Honda Cub 70 c.c. Kalau boleh motosikal 70 c.c. ini jangan dikenakan tol. Ini suara rakyat.

Seorang Ahli: Sudah tidak kena lagi.

Tuan Haji Shaharom bin Haji. Maasom Sudah tidak kena baiklah itu. Cukai turunkan. Kalau \$5 tinggalkan \$30 sebab harga getah telah merosot, harga kelapa sawit jatuh. Sekarang orang kampung menangis, Tuan Yang di-Pertua. Orang kampung sekarang menangis, musim hujan harga getah tidak naik, harga kelapa sawit jatuh. Ya, di pasaran kata, sudah naik, baji orang kampung jatuh sebab satu masa dia pernah naik, sekarang di tidak naik lagi. Yang di FELDA pula bertan-tan kelapa sawit tidak terkutip, melambak-lambak, tiga hari tidak kutip busuk dia - menangis. Ini nelayan pantai akan menghadapi musim gelombang, menangis. Makan buburlah dia dengan keropok.

Apabila musim hujan banjir pun berlaku, maka daerah-daerah pendalaman, daerah-daerah ulu akan menghadapi keadaan muram. Pokok-pokok getah tenggelam. Kampung banjir pokok pisang tumbang, ubi, keladi busuk. Dengan adanya kilang-kilang kelapa sawit, kilang getah yang tumbuh sebagai cendawan yang membuang buangan-buangan

kotorannya ke sungai-sungai, ke tali-tali air yang dahulunya tempat orang-orang kampung menangkap udang galah, ikan haruan, ikan keli sekarang ini pupus semua sekali kerana adanya buangan kimia daripada kilang, menangis nelayan-nelayan kecil ini. Siapa orang-orang ini? Adik beradik kita, saudara-mara kita, bukan orang lain, bukan orang daripada negara lain - adik beradik kita. Tadi, inilah yang kita hendak betulkan. Inilah yang kita suarakan dalam Dewan Kita tidak mahu satu orang yang ditangkap, dituduh mencuri motosikal sampai lima tahun tidak-dibicarakan.

Tuan Yang di-Pertua tahu bahawa sekarang ini kes yang tertanggung dalam negara kita hampir dua juta yang tidak dapat diselesaikan. Tidak tahulah dalam tempoh 10 tahun mungkin nanti ada orang yang mati dahulu daripada kesnya selesai. Kita takut si pulan bin si pulan yang telah meninggal didakwa terus. Ini akan berlaku dalam negara kita nanti.

Seorang yang telah meninggal tiga tahun dahulu, kesnya hidup, terpaksa didakwa sekalipun dia sudah mati. Inikan cerita kartun. Orang yang bersumpah kerana Agong, kerana negara macam yang berlaku di Pontian, seorang majistret; orang kampung tidak tahu Majistret Kelas Tigakah, Kelas Duakah, Kelas Satukah tidak tahu, orang kampung tahu Hakim. "Loo, Hakim kok rasuah".

Apabila kes ini berlaku, saya bekejar pergi ke Pontian. Saya pergi ke Ramba, saya pergi Parit Kaha, saya pergi Parit Kudus, saya pergi Parit Semerah, saya pergi Peneroh, saya tinjau, kerana tempat ini berlaku keadaan macam **ini**. Apa pandangan, apa reaksi, apa feedbacknya, dengan izin, cakap orang sekarang, apa maklumat.

Saya tidak mahu apa-apa, saya hendak orang kampung cakap. Apa pendapat wak, apa pendapat encik, apa pendapat cikgu. "Loo, Hakim kok makan suap, yoo negaro ya hancur kalau macam itu" - cukup.

Orang kampung menilai bahawa kalau rasuah ada, negara hancur, itu sahaja. Tak usah kita hendak cerita panjang. Macam mana kita hendak hapuskan rasuah, Okay, nanti akan dijawab, rasuah ini penyakit tertua di dunia. Sejak mula ada dunia ini rasuah sudah ada termasuk saudara kembarnya iaitu pelacur. Itukan falsafah lama.

Sebenarnya kalau kejujuran ada tidak ada rasuah. Nabi bersabda: Arasiwalmur-tasifinnar. Ertinya, pemberi dan penerima rasuah kedua-duanya dalam seksa - dalam neraka. Kita adakan hukuman penjara. Jadi, sepatutnya rasuah ini hukumannya diberatkan lagi supaya orang lebih takut. Dan pegawai-pegawai Kerajaan atau mereka yang diberi kepercayaan melakukan rasuah ini tidak tahu hukuman macam mana yang sepatutnya diberikan kepada mereka supaya mereka dikenal selama-lamanya sebagai pengkhianat kepada perkhidmatan.

Tuan Yang di-Pertua, kita mengucapkan terima kasih kepada BPR yang selama ini bekerja giat, cergas, tangkap ikan besar, ikan kecil, ikan yu, ikan bilis, saya pun tidak tahu jenis yu, jenis-jenis apa tetapi rasuah masih menjadi-jadi. Di Pejabat Tanah - di Pejabat Tanah rasuah masih menjadi-jadi. Sekeping tanah TOL boleh dibangunkan bangunan tiga tingkat. Macam mana kalau tidak ada rasuah dalamnya, sedangkan rakyat minta tanah 30 tahun tidak lulus, hendak sebut kampungnya? Saya boleh sebutkan, Tuan Yang di-Pertua, di mukim mana, kampung mana, daerah mana yang berlaku keadaan seperti ini. 30 tahun mohon tanah dua ekar, tiga ekar tidak lulus, bertukar Menteri Besar, bertukar DO, bertukar Exco. Tetapi kalau ada rasuah di dalamnya, kalau ada pemberian "pongli" kata orang Jakarta, "pongli" ini ertinya pungutan liar melalui kedai-kedai kopi, melalui warung-warung, hutan yang masih tersergam boleh ditebang. Mengapa ini masih berlaku? Di jabatan-jabatan tertentu masih berlaku.

Jadi, kepada Badan Pencegah Rasuah, saya sarankan supaya melipatgandakan. Ambil anak-anak kita yang lulus universiti bekerja di Badan Pencegah Rasuah ini dengan gaji yang minima seperti dalam skim Bantuan Khas cukup, beri saranan kepada mereka, kalau engkau boleh tangkap sekian orang dan lekat; kesnya engkau naik pangkat. Insya Allah, orang akan bekerja kuat.

Orang kampung menilai bahawa kalau rasuah ada, negara hancur, itu sahaja. Tak usah kita hendak cerita panjang. Macam mana kita hendak hapuskan rasuah. Okay, nanti akan dijawab, rasuah ini penyakit tertua di dunia. Sejak mula ada dunia ini rasuah sudah ada termasuk saudara kembarnya iaitu pelacur. Itukan falsafah lama.

Sebenarnya kalau kejujuran ada tidak ada rasuah. Nabi bersabda: Arasiwalmur-tasifinnar. Ertinya, pemberi dan penerima rasuah kedua-duanya dalam seksa - dalam neraka. Kita adakan hukuman penjara. Jadi, sepatutnya rasuah ini hukumannya diberatkan lagi supaya orang lebih takut. Dan pegawai-pegawai Kerajaan atau mereka yang diberi kepercayaan melakukan rasuah ini tidak tahu hukuman macam mana yang sepatutnya diberikan kepada mereka supaya mereka dikenal selama-lamanya sebagai pengkhianat kepada perkhidmatan.

Tuan Yang di-Pertua, kita mengucapkan terima kasih kepada BPR yang selama ini bekerja giat, cergas, tangkap ikan besar, ikan kecil, ikan yu, ikan bilis, saya pun tidak tahu jenis yu, jenis-jenis apa tetapi rasuah masih menjadi-jadi. Di Pejabat Tanah - di Pejabat Tanah rasuah masih menjadi-jadi. Sekeping tanah TOL boleh dibangunkan bangunan tiga tingkat. Macam mana kalau tidak ada rasuah dalamnya, sedangkan rakyat minta tanah 30 tahun tidak lulus, hendak sebut kampungnya? Saya boleh sebutkan, Tuan Yang di-Pertua, di mukim mana, kampung mana, daerah mana yang berlaku keadaan seperti ini. 30 tahun mohon tanah dua ekar, tiga ekar tidak lulus, bertukar Menteri Besar, bertukar DO, bertukar Exco. Tetapi kalau ada rasuah di dalamnya, kalau ada pemberian "pongli" kata orang Jakarta, "pongli" ini ertinya pungutan liar melalui kedai-kedai kopi, melalui warung-warung, hutan yang masih tersergam boleh ditebang. Mengapa ini masih berlaku? Di jabatan-jabatan tertentu masih berlaku.

Jadi, kepada Badan Pencegah Rasuah, saya sarankan supaya melipatgandakan. Ambil anak-anak kita yang lulus universiti bekerja di Badan Pencegah Rasuah ini dengan gaji yang minima seperti dalam skim Bantuan Khas cukup, beri saranan kepada mereka, kalau engkau boleh tangkap sekian orang dan lekat kesnya engkau naik pangkat. Insyallah, orang akan bekerja kuat.

Ini sahaja caranya. Tangkap sekian orang, kesnya lekat, engkau naik pangkat dan kerja permanent. Hendak apa lagi, dia sudah ada ijazah, sudah ada Sarjana Muda, tak perlu lagi pelajaran, cuma beri peluang dia kerja, beri peluang dia tangkap orang tengok, ligat dia menangkap. Sebenarnya keadaan ini sudah menjadi satu penyakit masyarakat, penyakit dendam, jaga esok kalau aku dapat kerja, ini di kalangan beribu-ribu anak-anak siswazah yang menganggur. Kita kena fikir ini. Ini anak kita, adik kita, keluarga kita, bukan orang lain, kita kena selamatkan.

Tuan Yang di-Pertua, satu perkara lagi yang perlu kita sampaikan kepada Kerajaan di dalam Dewan ini mengenai dengan rancangan Kerajaan, perjanjian antara Malaysia dengan Thailand menangkap ikan bersama. Jawapan yang saya dengar melalui laporan Dewan Rakyat semalam kata yang berjanji ini pula antara Badan dengan Badan, bukan Kerajaan dengan Kerajaan, jadi macam mana. Apabila saya buat tinjauan sana dia kata rugilah kita kerana ada perjanjian ini makin banyak nelayan dia masuk mencero boh kawasan kita. Apabila ceroboh, kita tanya kenapa awak ceroboh sini, kita ada perjanjian boleh 'masuk, kata dia, dia tak kata boleh ceroboh, ada perjanjian boleh masuk. Ini kita kena kaji semula.

Mengenai dengan laut dalam dengan bot yang 70 tan, 80 tan dengan modal \$300,000 sebuah ini tidak mudah kita hendak menyuruh Kerajaan hanya mampu buat 20 biji dan diadakan pula sekolah nelayan ini di Batu Maung, di Pulau Pinang sedangkan kita tahu ada di antara bekas Angkatan Tentera Laut kita yang sudah biasa main gelombang di laut bersara sebagai Bentara. Bentara di kapal-kapal Tentera Laut ini, kalau di daratnya Sarjan Mejar, kalau di kapal lautnya Bentara, mereka ini mahir dengan keadaan laut. Saya rasa mereka boleh jadi

tekong bot 70 tan atau 80 tan sebab kapal dia yang bcrpusing memasang terumbu di satu pulau di Sabah itu, di Laut China ada satu kapal Tentera Laut kita yang kerjanya hanya di terumbu, di sana ada satu terumbu, ini hal Kementerian Pertahanan, saya pun tak tahu sama ada terumbu ini dibuat dengan berjuta-juta ringgit menguntungkan kita ataupun tidak, saya pun tak tahu, itu semua kita kena fikir balik sebab ini Bil Perbendaharaan. Sungguhpun tak ada peruntukan tetapi kena cakap, ini ada hubungan dengan duit, wang negara, khazanah negara. Jadi kalau Bentara-bentara ini diberikan peluang mereka menjadi tekong-tekong bot 70 tau atau 80 tan kita tidak memerlukan tekong-tekong daripada tempat lain, cuma mereka tak tahu cara mana, tetapi mereka tahu masalah laut, berapa dalamnya, di mana tempat ada ikan, mereka tahu, mereka hidup bersara di laut.

Apabila kita sudah ada pula rancangan yang seperti ini - penampungan, adakah Tuan Yang di-Pertua sedar bahawa sekarang ini sebelum nelayan-nelayan kita pergi laut dalam ikan kita pun sebenarnya tak dijual di negeri kita sana, sebab itu kita tau cukup ikan. Kita masih beli ikan, import ikan sekian puluh juta ringgit, sekian ratus juta ringgit tetapi ikan kita pula keluar pergi ke negeri lain berlori-lori, beribu-ribu tong. Kalau tak jual itu kita busuk, tak laku maka dijual dengan harga yang tnrurah mengikut kehendak pembeli dan ditimbang mengikut kehendak pembeli. Kalau satu tong itu sepatutnya sepikul, sampai di seberang tinggal i kerana ikan sudah kecut, mata sudah merah, perut sudah pecah. Tapi apabila ikan naik begitu banyak tidak dapat hendak ditampung. Seolah penampungan ikan ini perlu diselamatkan dengan air batu sedangkan di satu-satu tempat nelayan itu tidak cukup bekalan air batu. Di Kuala Besut air batu yang dibawa ke Kuala Besut itu datang daripada

Kuantan, Kuala Terengganu, Pattani, Menora di sebelah Thailand, ertinya menyeberang Sungai Golok kerana di Kuala Besut itu tidak cukup bekalan air batu. Jadi LKIM patut memikirkan membuat satu kilang air batu yang boleh menampung untuk nelayan-nelayan di Pengkalan Semarak, di Pasir Puteh dan di Kuala Besut. Kalau di situ ada kilang air batu yang kecil dipujuk supaya mereka bersatu menubuhkan satu kilang yang besar supaya dapat menyelamatkan wang kita daripada membeli air batu yang datang daripada Golok, daripada Pattani, daripada Menora. Macam mana orang itu boleh jual air batu serupa dengan harga air batu kita \$10 seketul kerana kalau kita buat sendiri kita akan boleh jual dengan harga \$7 atau \$8 dan itupun tidak memadai. Kadang-kadang apabila ikan berlebih-lebihan hingga ikan busuk. Ikan yang baik terpaksa dijual dengan harga ikan baja - ikan untuk dibuat baja, sedangkan apabila sampai ke tempat itu mereka pisahkan balik bahawa ikan itu tetap ikan nombor satu, ikan bajanya tetap ikan baja. Ini peranan orang tengah di dalam menghisap darah kaum nelayan kita.

Apa yang saya sarankan ialah di Kuala Besut itu patut ada satu kilang air batu yang cukup. Yang keduanya, cuba difikirkan supaya ada satu kilang sardin, mengetinkan, mensardinkan ikan-ikan kita itu. Saya dengar baru-baru ini pelabur-pelabur daripada Arab datang ke sini hendak bawa duit tak ada tempat hendak dibuat melabur, cuba kita ajak dia melabur buat ikan sardin. Jadi apabila kita naik Haji tahun depan, tahun yang akan datang kita akan jumpa "Sardin made Malazea" - sardin-sardin daripada Malaysia, joint di antara "Malazea-Arab" macam **itu**. Cubalah difikirkan, jangan kata saya bercakap ini tak munasabah, sebab kita masih beli sardin daripada luar negeri sedangkan ikan-ikan itu boleh dibuat. Ini kajian yang saya buat.

Kalau kajian saya tidak sama dengan kajian LKIM, kalau kajian saya tidak sama dengan kajian orang-orang yang berkelulusan sekolah tinggi tak apa, sebab kajian saya grass-root. Saya duduk di pantai bersila, saya pakai kemeja dan ikat kepala dengan semutal, di situ saya duduk, saya bawa satu tape recorder dan apa yang dia cakap saya tape, balik saya dengar. Jadi sambil saya berbual mengapa berlaku macam ini.

Pengkalan tempat nelayan naik di Kuala Besut itu perlu dibaiki supaya Kuala Besut itu tidak sentiasa tohor supaya bot boleh keluar masuk dengan baik, ditambah seperti di Pantai Semerak, di Pasir Puteh. Kalau di sana boleh dibuat, ertinya di Kuala Besut boleh buat. Di Kuala Besut adalah satu perkampungan nelayan yang besar dalam uegara kita. Jumlahnya banyak, saya tak usah sebut, kalau tengok motobotnya petang-petang dia balik macam itik pulang petang, tetapi apabila dia naik ke darat, masing-masing tidak ada yang senyum manis, semua seny.imaya senyum masam. Itu sikap wajah saudara-saudara kita yang sebagai nelayan, dia senyum tnacam manapun dia tetap masam sebab dia baru lepas berjemur dek cahaya matahari.

Tuan Yang di-Pertua, di dalam Akta Bil Perbendaharaan (Tempatan) 1946 ini, kalau kita memikirkan - saya teringat tadi di dalam soal-jawab disebutkan Kerajaan memberikan benih-benih percuma kepada cara-cara menternak ikan air tawar, udang air tawar, ikan keli, puyu, betuk dan sebagainya. Tetapi saya hairan bahawa benih-benih ikan keli yang diberi secara percuma ini selama tiga bulan dia tak mahu besar, hanya sebesar kelingking juga. Ini aduan daripada petani-petani kita yang menternak ikan air tawar. Saya pergi ke tempat itu, saya cuba hendak membeli ikan keli hendak masak sambal tumis ikan keli. Kata mereka: "Tak besar, Encik. Inilah benih yang Jabatan Pertanian bekalkan; benih keli - tiga bulan sebesar kelingking sahaja, yang besar sejengkal adalah lima-enam ekor."

Jadi kalau dahulu saya pernah bercakap bahawa ada benih kelapa yang sebelas tahun tak berbuah, sedangkan benih kelapa itu dibawa daripada Parit Botak, Senggarang, Batu Pahat. Kononnya di situ di pusat Pertanian, terdapat benih kelapa yang baik, tetapi ditanam di Selangor, kok tak berbuah sampai 11 tahun. Apakah tanah di Selangor dengan tanah Parit Botak tak sama? Di manakah salahnya? Kaji punya kaji, rupa-rupanya kontraktor yang diserahkan mengedarkan benih kelapa sawit tadi beli benih yang tumbuh dekat tepi jalan. Kerana apa itu? Kerana adanya berlaku "pongli" atau pungutan liar tadi. Tak kiralah asal benih, sebab di bawah program ini sekian haribulan benih mesti sampai, kalau tak sampai, saya malu, boleh jadi saya kena tukar ke Pahang. Teruklah pergi ke hulu. Tolonglah carikan benih. Kontraktor carilah benih di mana-mana dan mengutipnya, tetapi sampai 11 tahun ia tak berbuah. Adakah patut? Kenapakah ini berlaku? Okay, itu cerita lama, cerita 15 tahun dahulu. Tetapi

sepatutnya janganlah berulang lagi.

Begitu juga dengan benih bantuan tanaman kelapa. Sekarang ini kelapa sawit begitu juga - kelapa sawit yang dijual oleh Lembaga-lembaga Kerajaan, sampai masanya tak berbuah, dia punya pelepah menungkat langit, kelapa sawit yang berbuah pelepahnya mengembang ke bawah sebab di situ tempat tandan duduk, tetapi yang ini pelepah dia menungkat ke langit. Kerana dia hendak menadah apa? Mengapakah ini berlaku?

Apa yang paling kejam ialah Kerajaan kita tidak menyedari bahawa benih kelapa sawit daripada pusat penyiataan kelapa sawit di Morib sana, di pusat OPRS, telah diseludupkan ke Indonesia dan Thailand 7 tahun dahulu. Tetapi Kerajaan tidak menyedari. Yang menjadi penyeludup sudah menjadi jutawan kerana dia hanya mengisi dalam peti sepanjang 2x2 kaki, macam peti susu, diisi di sana 400 biji benih kelapasawit yang baik dan dengan harga \$1.00 sebiji. Harga \$400 x 5 peti bernilai \$2,000 - ianya diisikan dalam kereta dan sampai di sempadan dia lepas. Itu berlaku 7 tahun dahulu, sekarang benih kepala sawit yang diseludup ke Thailand dan ke Indonesia itu telahpun mengeluarkan minyak. Maka berlawananlah pasaran minyak kelapa sawit kita dengan minyak kelapa sawit Thailand dan Indonesia.

Hal ini sama ada logik atau tidak logik, saya tidak tahu, tetapi itulah yang saya tahu - penyeludupan benih kelapasawit ke Indonesia melalui Pontian, penyeludupan ke Thailand melalui Padang Besar. Orang yang menyeludup itu kaya raya, tetapi yang menderita sekarang ialah peladang-peladang kecil, orang-orang kampung yang cuba hendak bertanam kelapa sawit. Adakah ini satu kemajuan kepada kita atau satu kelemahan kepada kita? Ini perlulah difikirkan oleh pihak Perbendaharaan lagi. Sebab masalah ini ada hubung kaitnya dengan masalah apabila sudah ada duit nanti, tenaga pelaksanaan akan

melaksanakannya. Itu sebenarnya akan saya bawa di dalam perbahasan mengenai dengan perbahasan Belanjawan tetapi oleh kerana saya takut nanti juga tak cukup masa, jadi saya bawa dalam Bil ini.

Kalau cukup masa, Tuan Yang di-Pertua, hendak tahu Ahli-ahli Yang Berhormat Senator ini ada nilai atau tidak bernilai, rubber stamp atau bukan rubber stamp, bagi peluang bercakap, bagi peluang-tiga hari kita terus bercakap pun boleh. Insya Allah, ada sahaja yang akan keluar nanti. Tetapi tolong dengarkan baik-baik oleh pihak-pihak yang tertentu.

Dalam Bil ini, yang akhirnya saya ulangi lagi di dalam kertas yang ada di atas meja kita ini, dalam bulan Disember, 1984 dahulu, saya sudah bercakap berkali-kali mengenai nasib PTA, dilema PTA - itu tahun 1984. Ini ternyata dalam Buku Program dan Prestasi Belanjawan 1988 yang ada di atas meja kita. Ahli-ahli Yang Berhormat boleh semak.

Saya menyarankan supaya dilemma pegawai-pegawai ini diselesaikan secepat mungkin, mereka ini punya 'cancer', kerana mereka ada persaingan antara PTA dan PTD. Saya tidaklah hendak menyalahkan sesiapa, cuma saya sarankan supaya kedua-duanya ini disatukan, dijadikan PTM, tak ada PTA, tak ada PTD, hanya ada PTM (Pegawai Tadbir Malaysia). Tak ada anak tiri, tak ada anak kandung, tak ada yang ini kata dia, yang ini tuduh dia. Dosa selesai. Semua jadi PTM, habis cerita. Pangkat boleh naik sama, gaji naik sama, pencen terima sama, kecuali kalau Parlimen batalkan pencen, sama-sama tak dapat pencen. Ya, sudah lama sangat terbiar, saya terpaksa mengulangi perkara ini, sebab beribu pegawai yang meminta saya menyampaikan - pegawai PTA itu beribu jumlahnya. "Tolonglah Abang Haji". Dia panggil Abang Haji, lemahnya. Kalau dia panggil Pak Haji, saya sergah juga, tetapi dia kata: Tolonglah Abang Haji -

saya terasa muda, maka saya sampaikan dan itu tanggungjawab saya. Sebab mereka adik-adik kita, anak-anak kita, saudara mara kita, mungkin saudara-mara Tuan Yang di-Pertua juga, dan bukan orang lain. Pegawai-pegawai PTA dan PTD itu semuanya orang kita. Jadi, apabila orang kita, kita selesaikan masalahnya itu sama-sama, jadikan PTM.

Kalau saya hendak bercakap panjang, saya sudah siapkan dalam satu kertas yang saya hendak sampaikan dalam perbahasan Belanjawan, tetapi saya ambil pokoknya supaya besok kalau saya tak ada masa, perkara ini saya telah sampaikan.

Tuan Yang di-Pertua, itulah sahaja perbahasan saya mengenai dengan Rang Undang-undang untuk meminda Akta Bil Perbendaharaan (Tempatan) 1946 yang dibentangkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan sebentar tadi dan saya menyokong dengan sekuat-kuatnya supaya Akta Bil Perbendaharaan (Tempatan) 1946 ini diluluskan. Terima kasih.

Timbalan Tang di-Pertua: Ada lagi? Silakan Puan Law Jack Yoon.

5.07ptg.

Puan Law Jack Yoon: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengambil bahagian dalam perbahasan Rang Undang-undang untuk meminda Akta Bil Perbendaharaan (Tempatat) 1946.

Pada pendapat saya jika pindaan tersebut adalah bertujuan menyelaraskan Akta ini dengan Akta-akta lain seperti Ordinan Pinjaman Tempatan 1959, Akta Pinjaman Luar Negeri 1963 dan Akta Lanjutan Kredit 1966 serta bagi melicinkan pengeluaran Bil Perbendaharaan oleh Kerajaan supaya Bil-bil tersebut dapat dikeluarkan pada masa yang cepat, sesuai serta tepat mengikut keadaan pasaran semasa.

Maka tidak ada sebab mengapa Bil tersebut tidak harus dipinda-kan, akan tetapi Kerajaan mestilah berhati-hati apabila mengeluarkan Bil-bil Perbendaharaan seperti ini dan melaksanakannya pada keadaan-keadaan yang benar-benar memerlukan sahaja. Jika tidak, ia mungkin boleh menimbulkan satu anggapan yang kononnya Kerajaan bermotif merampaskan kuasa Parlimen sepertimana telah dinyatakan oleh beberapa orang Ahli Dewan Rakyat. Oleh itu sekali lagi saya ingin menyeru kepada Kerajaan supaya bertindak dengan cermat dan teliti serta sentiasa mengutamakan kepentingan rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, dengan ini saya ingin menyokong Rang Undang-undang Akta Bil Perbendaharaan (Tempatan) (Pindaan) 1987. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Dipersilakan Yang Berhormat Tuan Lau Keng Siong.

5.10 ptg.

Tuan Lau Keng Siong: Tuan Yang di-Pertua, saya suka mengambil bahagian untuk membahaskan dalam Rang Undang-undang Suatu Akta untuk meminda Akta Bil Perbendaharaan Tempatan 1946.

Saya fikir Rang Undang-undang ini sangat-sangat mustahak kalau berkaitan dengan kewangan satu negara yang makmur seperti Malaysia ini kekuatan wang negara sangat-sangat penting dan mustahak. Wang ini nilainya dipakai oleh tiap-tiap wang. Macam mana kita gunakan wang ini terpulung kepada masing-masing.

Jika satu negara yang kaya seperti Malaysia ini kalau kita berjaga-jaga baik kewangan kita, saya fikir hari ini, seluruh dunia pandang Malaysia kita oleh sebab masa yang lalu ada tempat-tempat yang silap. Jadi sekarang kita semua, Kerajaan pun, rakyat jelata, parti-parti komponen, parti pembangkang pun rasa masa sekarang kedudukan kewangan negara kita tidak begitu sihat. Kita hendak segerakan perkara ini. Kita mesti jaga baik-baik.

Oleh sebab hari ini di negara kita ada banyak anak-anak kita yang ada pengalaman tinggi dan qualification yang tinggi, yang tidak ada kerja, tertunggu-tunggu. Tetapi ada orang yang bertanggungjawab kepada negara dan rakyat jelata, kadang-kadang sudah tersilap, tidak fikir dibayar gaji daripada siapa, kita dapat gaji daripada rakyat jelata, Kita dapat taxation, income-tax daripada orangramai. Jadi,

apabila kita hendak gunakan wang. Ini kita mesti jaga baik-baik. Inci per inci mesti timbang baik-baik.

Dengan adanya Rang Undang-undang ini kalau diluluskan oleh Dewan yang mulia ini saya fikir masa yang akan datang Menteri Kewangan kita mesti hendak jaga baik-baik, hendak buang lebih tenaga untuk negara dan rakyat jelata kita.

Tuan Yang di-Pertua, saya fikir semua orang faham. Jadi, masa sekarang ada masa lagi, ada peluang. Oleh sebab dunia ada pandang juga Malaysia kita, Malaysia kita ini satu negara yang kaya, yang pentadbirnya macam mana pegang pentadbiran itu terpulang kepada masing-masing. Masa sekarang orang miskin adalah bertambah miskin, kerana apa? Kerana mereka hendak bekerja, berusaha kadang-kadang mereka memohon sebidang tanah, satu dua ekar kena tunggu lima enam tahun lepas itu baru tolak. Mengapa mula-mula mereka minta permohonan itu tidak diberi jawapan? Sampai lima tahun baru beri jawapan kata, "permohonan tuan tidak berjaya." Jikalau ada perkara ini berlaku, saya fikir kita tidak boleh tahan lagi.

Masa sekarang Kerajaan Negeri ada keluarkan order, ada tanah-tanah kecil untuk orang-orang memohon. Tetapi apabila orang miskin memohon semua ditolak! Jadi, nampaknya ada orang yang beribu-ribu ekar tanah, beribu-ribu ekar kelapa sawit, minta, mohon, dia dapat. Bertambah kaya. Ini kita mesti berjaga-jaga dengan baik. Kalau kita tidak berjaga-jaga dengan baik, antara rakyat kita dia benci antara satu sama lain. Jadi ini bermakna perpaduan.

Dan satu lagi rasuah. Saya fikir Kerajaan sampailah masanya mengambil langkah orang-orang yang menggalakkan rasuah mesti ditangkap masuk penjara. Jadi, semua rakyat jelata jika tidak memberi rasuah siapa dapat menerima rasuah? Ini terpulanglah kepada rakyat

rakyat jelata. Jadi, saya fikir Kementerian Penerangan sampailah masanya supaya memberi penerangan kepada orang ramai jangan memberi rasuah kepada sesiapa pun. Orang yang memberi rasuah itu satu kesalahan yang besar seperti orang yang jual dadah itu yang salah besar. Sekiranya ini tidak ada di dalam negara kita siapa boleh hisap dadah? Jadi, untuk menjaga kekuatan ini kita punya tanggungjawab.

Mengapa sampai hari ini, kita tidak boleh hapuskan rasuah dengan ini dadah. Mengapa? Macam mana kita kait, macam mana kuat pun ada orang hisap dadah juga, ada rasuah juga. Jadi ini kita mesti timbang. Kerajaan mesti ambil perhatian berat kalau tidak nanti kita punya negara khususnya orang muda semuanya hisap dadah, susah.

Masa sekarang saya dapat information ada orang hendak menggalakkan orang muda hisap dadah dia cuba bubuh dadah dalam cigarette dan minta kawannya hisap. Sekiranya satu orang muda hisap satu kali, dua kali dia mesti hendak tiga kali. Sudah tiga kali berturut-turut sampai bila dia tidak boleh ubat. Jadi, ini Kerajaan mesti kena ambil langkah untuk mengatasinya.

Kita ada satu pertubuhan, committee untuk menjaga perkara dadah ini. Tetapi oleh sebab penerangan kita tidak cukup banyak orang muda tidak faham tujuan Kerajaan. Tujuan Kerajaan hendak jaga orang muda, jangan orang muda masuk bercampur dengan orang-orang yang tidak baik. Ini satu perkara saya fikir Menteri di Kementerian Penerangan ada satu tanggungjawab yang besar untuk memberi penerangan kepada seluruh negara khususnya kepada rakyat jelata yang begitu kurang diberi penerangan, tidak begitu tegas, tidak begitu cepat. Jadi kalau tidak begitu tegas dan cepat ada orang yang hendak guna anak-

anak kita dia cepat daripada penerangan kita, dia berjaya, kita kalah.

Jadi, saya harap apabila Rang Undang-undang ini diluluskan semua golongan termasuk kakitangan Kerajaan, Menteri-menteri, anggota-anggota Kabinet, Ahli-ahli Yang Berhormat yang dipilih serta Senator-senator semuanya bersatu padu untuk bersama-sama menjaga kewangan negara kita. Biar sampai kekal kewangan kita boleh kuat. Kekuatan kewangan kita bila kuat negara kita pun kuat, jadi nama negara kita pun baik. Orang yang hendak datang ke negara kita pun pandang, pelancong-pelancong yang hendak datang ke sini, begitu juga pelabur-pelabur pun ada confidence.

Jadi, saya harap selepas perbahasan ini semua Ahli-ahli Yang Berhormat dapat sokong Rang Undang-undang ini dan orang yang menjalankan tugas bolehlah menjalankan tugas dengan sebaik-baiknya. Sebelum saya duduk di sini spkong penuh Rang Undang-undang untuk meminda Akta Bil Perbendaharaan (Tempatan) (Pindaan) 1946 ini, sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Sila Yang Berhormat Puan Habidah binti Jusoh.

5.20 ptg.

Puan Habidah binti Jusoh: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun memohon izin untuk bersama dengan rakan-rakan untuk menyokong Rang Undang-undang bernama satu Akta untuk meminda Akta Bil Perbendaharaan (Tempatan) 1946 atau akta ini bolehlah dinamakan Akta Bil Perbendaharaan (Tempatan)(Pindaan) 1987.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan tahniah kepada Timbalan Menteri Kewangan yang telah membentangkan Rang Undang-Undang ini sebentar tadi. Tuan Yang di-Pertua, di dalam menyokong Rang Undang-undang Seksyen 2, Akta Bil Perbendaharaan (Tempatan) 1946 ini, pengalaman pentadbiran negara kita telah menampakkan kepada rakyat, ciri-ciri kelemahan di dalam pengendalian kewangan. Lebih-lebih lagi mengenai dengan pembayaran-pembayaran bil-bil untuk sesuatu projek pembangunan negara ataupun pembayaran-pembayaran bil kepada orang ramai, bukan sahaja lambat dan tidak rnenepati janji., bahkan terdapat penyelewengan-penyelewengan yang bersahaja, seolah-olah itu adalah perkara biasa di dalam pembayaran bil-bil yang tuntutan oleh orang ramai atau lebih jelas kontraktor-kontraktor yang membangunkan satu-satu pembangunan itu. ini. telah membuatkan negara kita dipandang sebagai negara yang remeh dari segi pentadbiran kewangan.

Terdapat pula kadang-kadang keadaan yang memaksa pihak-pihak tertentu campurtangan di dalam pembayaran sesuatu bil kewangan. Tetapi dengan adanya Rang Undang-undang yang sebegini rupa, maka saya percaya akan didapati bahawa pembayaran bil-bil akan lebih cepat, sempurna dan membawa ke suatu tahap yang lebih baik, positif

dan disanjung sebagai sebuah negara yang benar-benar mengamalkan demokrasi tulen.

Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana bil Perbendaharaan ini juga melibatkan kakitangan ataupun pekerja-pekerja di dalam negara kita sebagaimana yang telah disebut oleh salah seorang Ahli Yang Berhormat tadi. berkenaan dengan siswazah menganggur, jadi, kita semua memanglah merasa begitu cemas keadaan siswazah-siswazah kita yang menganggur sekarang ini kerana di. hari-hari kita pergi ke kampung-kampung kita terdengar anak-anak kita yang masih di dalam Tingkatan Tiga ataupun yang mengambil SRP, SPM, mereka itu mengatakan tidak guna untuk bersekolah tinggi, kerana banyak kakak-kakak dan abang-abang mereka yang menganggur yang tidak mendapat pekerjaan. Jadi., saya rasa pihak Kementerian Pendidikan perlulah menyegerakan langkah-langkah yang wajar walaupun sekarang ini sedang dijalankan dengan sebegitu rupa tetapi. hendaklah sentiasa membuat sesuatu yang boleh mendatangkan kebaikan kepada siswazah-siswazah tadi kerana kalau kita dengar sungutan anak-anak kita tadi memanglah boleh mematahkan semangat mereka untuk belajar. Dan ini juga bukanlah salah mereka rasanya saya, kerana kita sudah mengajar abang-abang mereka yang terdahulu daripada mereka, kalau keluar universiti atau mendapat diploma dan ijazah maka mereka akan diberi pekerjaan, tetapi sesudah sampai giliran anak-anak kita yang kebelakangan ini, mereka ditinggalkan begitu sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan masalah wanita yang telah disebutkan juga oleh salah seorang Ahli Yang Berhormat di. Dewan yang mulia ini sebentar tadi. walaupun bukanlah saya hendak menjawab apa yang telah dikemukakan oleh Ahli. Yang Berhormat tadi, sebenarnya patut Menteri yang menjawabnya, tetapi oleh kerana saya juga seorang

wanita, saya merasakan memanglah wanita patut juga diberi peluang di dalam pembangunan negara, kerana bukanlah kami. tidak menyedari. Firman Allah yang bermaksud: "Lelaki adalah ketua keluarga dengan apa yang diberi oleh Allah kepada mereka kelebihan antara setengah dengan setengahnya". Tetapi menyedari Firman Allah yang bernaksud: "Bagi kaum lelaki di dalam. usaha dan kerja-kerja mereka ada bahagian-bahagian mereka yang tertentu". Maka begitu jugalah kami kaum wanita di dalam usaha-usaha dan kerja kami ada bahagian-bahagian kami yang tertentu.

Dengan pelajaran yang kami dapati, kami rasa kalaulah peluang ini ada kepada kami, memanglah elok diberi kepada kami kerana kalau kepada kaum lelaki sahaja misalnya, dalam negara ini diberi peluang, sudah tentu saya rasa kaum lelaki akan boring pula.

Sejarah juga mengajar kepada kita bagaimana junjungan besar kita Nabi. Muhamad s.a.w. pernah mendengar fikiran dari seorang wanita iaitu Ummul Mukmin, Umu Salamah di dalam satu perdamaian iaitu Perdamaian Hudaibiah yang mana kaum lelaki ketika itu hampir mengadakan pemberontakan kerana Rosulullah mengadakan Perjanjian Hudaibiah iaitu sesudah kaum muslimin hendak datang ke Mekah menunaikan Umrah, ditahan oleh musyrikin Mekah, tetapi dengan kebijaksanaan wanita, Rosulullah telah mendengar nasihat yang diberi oleh Ummu Salamah yang mengatakan Baginda hendaklah melakukan apa sahaja yang Baginda fikirkan perlu. Lantas Rosulullah bercukur dan berkorban dan diikuti oleh semua sahabat yang tadi berkeras dan tidak mahu mengikut apa yang diperintah oleh sahabat-sahabat yang terdahulu dari itu. Jadi, di dalam Bil Perbendaharaan ini, saya rasa segala apa sesuatu yang akan dilakukan oleh pihak Kerajaan dan negara, perlulah juga diberi peluang bukan kesemuanya, tetapi kalau

agak yang perlu kepada kami kaum wanita .

Dengan ini, saya menyokong supaya Akta ini diluluskan. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Sila Yang Berhormat Tuan Hassan bin Nam.

5.26 ptg.

Tuan Hassan bin Nam: Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin mengucapkan terima kasih kerana diberi peluang untuk turut bersama membahaskan Rang Undang-undang bernama satu Akta untuk meminda Akta Bil Perbendaharaan (Tempatan) 1946 yang mana telahpun dibentangkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan di Dewan yang mulia ini baru sebentar tadi. Akta ini bolehlah dinamakan Akta Bil Perbendaharaan (Tempatan) (Pindaan) 1987.

Tuan Yang di-Pertua, dengan maksud dan tujuan Rang Undang-undang ini di-pinda ialah dengan perintah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agung dengan nasihat Jemaah Menteri, maka Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agung boleh mengubah had \$5,000 juta kepada Bil Perbendaharaan yang dikeluarkan dan masih belum dijelaskan pada bila-bila masa. Bahawa saya berpendapat Rang Undang-undang ini adalah patut serta harus disokong kerana kita pandang dari segi kepentingan pembangunan iaitu dalam masa-masa tertentu kita akan dapati. di. segi kepentingan pembangunan kita harus menentukan bahawa pembangunan itu berjalan lancar, berterusan dan tidak tergendala khasnya dalam hal-hal yang amat diperlukan dari segi kepentingan rakyat dan ini. mungkin boleh berlaku apabila keadaan sangat menghendaki yang melibatkan hal-hal tertentu sahaja iaitu melibatkan pada kepentingan orang ramai.

Ini sudah tentu memerlukan kehendak kewangan yang segera. Oleh sebab itu, dalam hal ini kita perlu memberi kuasa-kuasa tertentu ini kepada Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong untuk membolehkan supaya dicukupkan jumlah mengikut had yang diberikan nasihat dan pandangan oleh Jemaah Menteri.

Tuan Yang di-Pertua, soal kewibawaan kepada Yang di-Pertuan Agong seharusnya kita tidak ragukan kerana Yang di-Pertuan Agong adalah simbol kepada keadilan dan di dalam hal ini, saya fikir tidak ada sebarang keraguan, lebih-lebih lagi tindakan yang akan diambil oleh Yang di-Pertuan Agong adalah dengan nasihat serta pandangan Jemaah Menteri.

Dalam hal ini., saya fikir tidak akan timbul masalah dari segi penyelewengan ataupun dari segi pembolotan kuasa yang akan dilakukan oleh Yang di-Pertuan Agong iaitu sungguhpun kuasa diberi kepada Yang di-Pertuan Agong tetapi ia masih tertakluk kepada Jemaah Menteri. Oleh itu, saya rasa masalah kelebihan kuasa tidak akan berlaku dan ia masih tertakluk kepada budibicara Jemaah Menteri yang akan memberi nasihat serta pandangan-pandangan yang tidak akan menjejaskan kepentingan ramai dan negara anrnya. Hanya yang perlu diingat ialah dari segi had perlu dikeluarkan dengan kuasa Yang di-Pertuan Agong dan had ini hendaklah diberi. atau di.tentukan supaya tidak ada berlebihan pengeluaran yang tidak perlu pada satu-satu masa yang di-kira kerana ini amat penting, khasnya dari segi menjaga kepentingan orang ramai.

Dalam perkara ini, saya fikirkan keadaan ini akan sentiasa dapat dielakkan sekiranya setiap Ahli. Jemaah Menteri dapat memberi nasihat serta memberi. pandangan yang sesuai dengan keadaan pada keperluan yang ada pada satu-satu masa tertentu itu.

Tuan Yang di-Pertua, dengan adanya nasihat dari Ahli Jemaah Menteri. ini saya fikir tidak akan timbul sebarang penyelewengan yang tidak diinginkan seperti rasuah atau monopoli kuasa tidak akan timbul dengan adanya badan eksekutif ini. Kesemuanya ini adalah terletak kepada kebijaksanaan Ahli-ahli Jemaah Menteri itu dan ianya akan menentukan sejauh mana perkara ini difikirkan perlu dan banyak mana peruntukan itu perlu dikeluarkan bagi memenuhi keperluan semasa bagi kepentingan orang ramai. Dengan cara ini, tentu sekali tidak akan timbul segala masalah penyalahgunaan kuasa, penyelewengan kuasa atau perkara-perkara lain yang tidak perlu dan boleh menjejaskan kepentingan orang ramai, serta juga kepentingan kewangan untuk negara juga orang ramai yang sepatutnya terus terselamat dengan adanya Jemaah Menteri ini.

Tuan Yang di-Pertua, dengan ini saya menyokong pindaan Rang Undang-undang atau Bil Perbendaharaan (Tempatan) 1987 ini. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Jika tidak ada lagi Ahli Yang Berhormat hendak berucap, sekarang saya menjemput Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan memberi jawapan. Dipersilakan.

5.35 ptg.

Tuan Mohamed Farid bin Ariffin: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak bertujuan untuk mengulas satu persatu ucapan-ucapan Yang Berhormat-Yang Berhormat, tetapi ada dua, tiga perkara yang penting yang mesti saya sebut di sini. dan sekorang-kurangnya, dengan izin, put the record right.

Pertama, banyak kemungkinan daripada Ahli-ahli Yang Berhormat salah faham tentang tujuan Bil ini dibentangkan untuk kelulusan.

Sebenarnya kalau dibaca daripada pembentangan saya tadi, Bil-bil Perbendaharaan ataupun dalam bahasa Inggerisnya, dengan izin, Treasury Bills adalah merupakan salah satu daripada sumber kewangan tetnpatan jangka pendek selain daripada sijil-sijil pelaburan (investment certificates) dan ia adalah salah satu cara yang cepat untuk dapat kita mencari unsur-unsur kewangan secara mengeluarkan Bil-bil tersebut.

Untuk makluman Yang Berhormat, pembeli utama ataupun pencarum utama ataupun tradisional Bil-bil Perbendaharaan ialah bank-bank perdagangan, syarikat-syarikat diskaun dan syarikat-syarikat kewangan. Oleh kerana itu, maka saya berharap tidak akan timbul salah faham berkenaan dengan tujuan Bil-bil Perbendaharaan (Treasury Bills).

Soal yang kedua yang saya anggap agak penting juga ialah ucapan yang dibuat oleh Puan tau yang antara lain menimbulkan kebimbangan bahawa dengan kelulusan Rang Undang-undang ini kemungkinan terdapat sesuatu krisis yang boleh disebutkan dalam bahasa Inggeris, dengan izin, usurpation of power of the Legislature by the Executive, iaitu bahawa beliau merasa ragu-ragu adakah dengan undang-undang ini jika diluluskan terdapat perampasan kuasa daripada pihak Legislature ataupun penggubal undang-undang iaitu Dewan yang mulia ini dengan Dewan Rakyat, Parlimen, kepada Eksekutif.

Saya ingin menyatakan dengan tegas di sini bahawa tidak sekali-kali tujuan Rang Undang-undang ini menyatakan bahawa ia bertujuan untuk membenarkan kuasa Legislation ini dipindahkan kepada pihak Eksekutif. Sebenarnya tujuan Rang Undang-undang ini dibentangkan ialah untuk mengemaskinikan pentadbiran wang negara. Oleh kerana itu, saya ingin menyatakan sekali lagi, bahawa tidak ada sangkaan

yang boleh disokong mengenai ucapan yang dibuat oleh Puan Law yang mengatakan kemungkinan timbul, dengan izin, usurpation of power of the Legislature by the Executive.

Tuan Yang di-Pertua, perkara lain yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat saya ingat secara rambang telahpun disentuh oleh Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain, tetapi ingin saya menyatakan di sini bahawa Yang Berhormat-Yang Berhormat yang lain boleh mengambil bahagian dengan tebih berkesan semasa membahaskan Rang Undang-undang Perbekalan 1988 nanti yang akan meliputi semua Kementerian dan semua Jabatan di dalam Kerajaan.

Dengan itu, Tuan Yang di-Pertua, saya sekali lagi mengucapkan terima kasih kepada semua Yang Berhormat-Yang Berhormat yang mengambil bahagian menyokong Rang Undang-undang Bil Perbendaharaan (Tempatan) (Pindaan) 1987.

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-ahli. Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

[Timbalan Yang di-Pertua mempengerusikan Jawatankuasa]

Fasal 1 dan 2 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG PERINDUSTRIAN NANAS (PINDAAN)**Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga****5.41 ptg.****Timbalan Menteri Perusahaan Utama [Tuan Alias bin Md. Ali]:**

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan iaitu satu Rang Undang-undang bernama Akta Perindustrian Nanas (Pindaan) 1987 dan mencadangkan beberapa pindaan kepada Ordinan Perusahaan Nanas Tanah Melayu, 1957 dibaca bagi kali. kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, Lembaga Perusahaan Nanas Tanah Melayu telah ditubuhkan dalam tahun 1957 melalui Ordinan Perusahaan Nanas, 1957. Penubuhan LPNTM adalah bertujuan untuk menjaga kepentingan dan kemajuan perindustrian nenas di. negara **ini** dari segi pengeluaran, kawalan mutu dan peraturan-peraturan kesihatan di kilang-kilang pungutan ses serta pembangunan pekebun-pekebun kecil nenas.

Memandangkan Ordinan ini telah lama dikuatkuasakan serta selaras dengan peredaran masa dan kemajuan perindustrian nenas itu sendiri, maka beberapa pindaan perlu dilakukan kepada Ordinan tersebut iaitu mengenai peruntukan-peruntukan yang sangat perlu dipinda sahaja supaya LPNTM dapat menjalankan fungsinya dengan lebih licin dan berkesan. Diantara pindaan yang dicadangkan ialah kepada bahagian deftnisi iaitu 'canned pineapple' dengan menambahkan perkataan "whether or not mixed with other fruit". Ini. adalah bertujuan untuk memberi kelonggaran kepada kilang-kilang nenas mengaleng buah-buahan lain yang di.campurkan kepada buah nenas. Dengan pindaan ini kilang-kilang yang tidak di.daftarkan dengan LPNTM yang sedang mengaleng nenas kaleng dengan di.campurkan buah-buahan lain perlu juga didaftarkan dengan LPNTM.

Bagi mengukuhkan kedudukan LPNTM, keahlian Lembaga telah diper-

luaskan dengan memasukkan wakil-wakil daripada Perbendaharaan dan Kementerian Perdagangan dan Perindustrian. Wakil-wakil Perbendaharaan dipertukan sejajar dengan adanya peruntukan kewangan dari Kerajaan kepada pihak Lembaga, manakala wakil daripada Kementerian Perdagangan dan Perindustrian pula akan dapat memberikan kerjasama dari segi pemasaran nenas, terutamanya sumbangan daripada pejabat-pejabat Pesuruhjaya Perdagangan Malaysia di luar negeri. Akaun dan penyata kewangan Lembaga juga telah dipinda sejajar-dengan keperluan masa mengikut Akta Badan-badan Berkanun iaitu akaun-akaun dan Laporan Tahunan 1980 kerana buat masa ini semua badan-badan berkanun dikehendaki mematuhi keperluan Akta ini.

Pindaan ini juga memberi peluang kepada Lembaga meminjam dan melabur. Walau bagaimanapun pinjaman banya akan dibenarkan selepas lembaga mendapat persetujuan daripada Yang Berhormat Menteri. Kewangan yang akan menetapkan syarat-syarat yang akan dikenakan terhadap pinjaman tersebut. Kebenaran untuk melabur diberikan untuk memastikan bahawa wang lebih Lembaga dilaburkan ke dalam pelaburan yang dibenarkan oleh undang-undang yang sedang berkuatkuasa atau sebarang pelaburan yang difikirkan sesuai oleh Lembaga dengan syarat mendapat persetujuan daripada Yang Berhormat Menteri Kewangan terlebih dahulu. Ordinan yang ada sekarang ini memperuntukkan perlantikan Pengerusi Eksekutif secara sepenuh masa, Walau bagaimanapun jawatan ini telah tidak diisi sejak beberapa lama sehingga sekarang ini. Dengan ketiadaan Pengerusi Eksekutif tersebut, wakil daripada Kementerian Perusahaan Utama telah menjalankan tugas-tugas sebagai Pemangku Pengerusi Lembaga sementara Setiausaha Lembaga telah menjalankan tugasnya sebagai 'de facto' Ketua Eksekutif.

yang dicadangkan oleh Kementerian berkenaan adalah tepat pada masanya, kerana saya telah difahamkan sejak Akta Nanas yang ada pada tahun 1957 yang diwujudkan sehingga hari ini, kita semua sedia maklum bahawa industri nenas sehingga hari ini, dengan izin, masih 'stagnant'; Tidak ada kemajuan-kemajuan yang besar. Kalau saya tidak silap bahawa cuma lebih kurang \$50,000 juta wang nilai nenas sehingga hari ini untuk dieksport dan sebelum ini saya pun telah difahamkan bahawa ada sebuah ki.lang nenas yang telahpun ditutup.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, adakah Kerajaan membuat kajian yang lebih teliti apa sebab-sebabnya industri nenas tidak ada kemajuan semenjak Akta ini diwujudkan pada tahun 1957.

Adakah kerana mutu nenas yang ditanam di negara kita ini tidak mendapat sambutan yang baik, selepas ditin untuk dieksport dan adakah Kerajaan kita membuat kajian berkenaan bagaimana cara untuk boleh memajukan industri nenas.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga berpendapat bahawa industri nenas ini adalah pasaran yang besar di luar negeri dan ia ada potensi yang besar. Dan kenapakah tidak Kerajaan-kerajaan Negeri dan Persekutuan bekerjasama dengan Kerajaan Pusat menggunakan tanah-tanah terbiar ataupun menggunakan tanah-tanah T.O.L untuk menanam nenas supaya dapat dibekalkan kepada kilang-kilang, ditin untuk dieksport dan juga pada saat sekarang yang kita semua hadapi, Kerajaan hadapi ialah masalah pengangguran siswazah-siswazah dan lain-lain. Tidakkah Kerajaan mengambil kesempatan ini menggunakan tanah-tanah yang terbiar ataupun tanah-tanah T.O.L memberi peluang kepada siswazah-siswazah yang menganggur, mencadangkan tanaman nenas supaya membantu Kerajaan kita dalam industri nenas.

Tuan Yang di-Pertua, sememangnya saya difahamkan mutu nenas ataupun nenas yang ditin daripada negara kita ini boleh berbanding ataupun boleh bersaing dengan nenas yang dikeluarkan oleh negara-negara lain. Jadi, adalah potensi yang besar kalau kita buat kajian yang teliti dengan mengadakan industri nenas ini, saya rasa ia akan mengadakan perkembangan pasaran yang lebih besar.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga difahamkan ada setengah-setengah pekebun kecil yang menanam nenas, pada satu masa terpaksa memusnahkan tanaman-tanaman mereka kerana kadangkala harga jualan nenas kepada pekilang-pekilang itu terlalu rendah dan oleh kerana tidak mahu menampung kerugian yang besar pekebun-pekebun kecil nenas

terpaksa memusnahkannya tanaman-tanaman mereka. Apakah tindakan yang diambil oleh Kerajaan supaya memastikan pekebun-pekebun kecil nenas tidak menanggung kerugian yang besar, kerana dalam pengalaman kita ini seperti yang saya suka buat satu contoh, yang kita berpengalaman iaitu seperti sebuah kilang asparagus yang telah diwujudkan di negeri Melaka. Pada akhirnya kilang asparagus terpaksa tutup, kerana kilang ini tidak dapat bekalan tanaman asparagus daripada pekebun-pekebun. Ini oleh kerana harga yang dijual di pasaran terbuka harganya lebih tinggi daripada harga yang diambil oleh pekilang-pekilang. Oleh itu sambil kita hendak memajukan industri nenas, Kerajaan juga terpaksa mengambil berat tentang pekebun-pekebun kecil yang menanam nenas.

Saya berharap dengan adanya pindaan Akta Perindustrian Nanas 1957 ini, dimasukkan, diperbesarkan Lembaga i.ni. di mana wakil daripada Perbendaharaan, wakil daripada Kementerian Perdagangan dan Perindustrian duduk dalam Lembaga ini akan dapat membantu negara kita memajukan lagi industri nenas di pasaran antarabangsa. Sekian, terima kasih.

Tinbalan Yang di-Pertua: Dipersilakan Yang Berhormat Tuan Haji Abdul Majid.

5.56 ptg.

Tuan Haji Abdul Majid bin Haji Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk menyokong Rang Undang-undang yang baru dibentangkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi, iaitu yang berbunyi "Suatu Akta untuk meminda Ordinan Perindustrian Nanas 1957".

Sepertimana yang kita sedia raaklum negeri Johor adalah merupakan sebuah negeri yang banyak mengeluarkan buah-buah nenas dan

dihantar keluar negeri. Daripada apa yang telah dapat kita mengikuti perjalanan perusahaan nenas di Johor ini., banyak menimbulkan beberapa perkara yang menjadi tanda tanya oleh seluruh rakyat khususnya di negeri Johor, Cuma saya berharap sambil menyokong Akta ini kepada Kementerian yang berkenaan tanggungjawab yang lebih kepada Lembaga Perusahaan Nenas Tanah Melayu ini hendaklah diperkemaskan lagi supaya benar-benar berfungsi. dan memberi erti kepada perusahaan ini.

Pada satu masa kita dapati bahawa pekebun-pekebun kecil di negeri Johor begitu ghairah menanam nenas, menukar tanaraan yang sedia ada kepada nenas, lebih-lebih lagi bagi pekebun-pekebun kecil yang menanam semula getah, menanatkan nenas kerana nenas merupakan satu daripada usaha yang menampakkan hasil yang agak baik, tetapi malangnya apabila nenas ini menjadi dan buahnya dipetik, maka kilang-kilang yang ada di tempat itu tidak dapat menampung dan banyaklah buah-buah nenas ini. hanya habis dimusnahkan begitu sahaja tidak menjadt apa-apa keuntungan kepada pekebun-pekebun kecil berkenaan dan satu masa Kerajaan pula sanggup menerima buah-buah nenas ini. dengan dibayar subsidi, tetapi nenasnya tidak diusahakan. Ini saya rasa banyak merugikan kepada pihak Kerajaan yang juga mengakibatkan kepada rakyat ataupun pekebun-pekebun kecil yang terlibat.

Saya mengatakan tanggungjawab yang lebih kepada Lembaga Perusahaan Nenas ini ialah bersabit dengan terbinanya sebuah kilang di Pulau Sebatang. Kilang ini dibina adalah atas memikirkan untuk memajukan perusahaan nenas ini. untuk pekebun-pekebun kecil, tetapi malangnya kilang ini beroperasi hanya beberapa jangka masa sahaja

Tuan Yang di-Pertua, dalam pindaan Rang Undang-undang ini sebagaimana yang tercatat di dalam Fasal 3 bertujuan meminda Seksyen 2 dan juga Seksyen 3 bagi memperuntukkan komposisi Lembaga yang lebih besar dengan penambahan wakil-wakil dari Perbendaharaan dan Kementerian Perdagangan dan Perindustrian, juga di dalam Fasal 5 bertujuan memasukkan 2 seksyen baru iaitu Seksyen 8A dan 8B untuk memberi kuasa kepada Lembaga meminjam wang serta melabur. Dan Seksyen 10B memberi kuasa kepada Lembaga bagi membuat peraturan-peraturan bagi mengawal kelakuan dan disiplin. Dalam masalah Lembaga Perusahaan Nenas Tanah Melayu ini maka memang dirasakan perusahaan ini agak semakin lama tidak begitu meningkat perusahaan mereka kerana agak banyak sebab-sebab yang tertentu membolehkan perusahaan ini semakin lama agak semakin malap. Walau macam mana pun kita berterima kasih kepada Kementerian yang berkenaan yang telah mengambil langkah yang begitu tegas dan memerhatikan perkara-perkara yang perlu dibaiki dari masa ke semasa,

Dalam hal ini saya merasakan satu dt antara perkara yang agak boleh dibanggakan pengetinan nenas agak boleh dicampurkan dengan buah-buahan lain. Jadi ini kita boleh merasakan sekiranya dalam satu ketika agak nenas tidak begitu banyak dan ada lagi buah-buahan lain mungkin seperti rambutan dan sebagainya boleh dicampur dengan nenas untuk ditinkan.

Hal ini kalau kita perhatikan dalam buah rambutan yang agak mereka keluar dalam musim-musim yang tertentu maka ini boleh menolong kepada pengusaha-pengusaha penanaman rambutan yang mereka boleh menjual terus kepada kilang-kilang nenas dengan sebab itu agak jualan harga buah rambutan tidak begitu jatuh dari masa ke semasa.

Lebih-lebih lagi dalam masa buah rambutan keluarannya cukup banyak. Ini sangat menggembirakan kedua-dua pihak sama ada pengeluar buah rambutan ataupun pengeluar nenas.

Tuan Yang di-Pertua, setelah kita memerhatikan agak kelemahan-kelemahan yang terdapat dalam pemerosesan nenas ini agak banyak perkara yang harus kita mengambil kira supaya prestasi pengilangan nenas ini dapat menambahkan prestasi yang baik dari masa ke semasa. Kita memang sedar kawasan-kawasan penanaman nenas di Semenanjung Tanah Melayu ini khususnya agak berpotensi bagi penanaman nenas ini di kawasan Negeri Johor.

Jadi itulah sebabnya barangkali kita dapati kawasan-kawasan penanaman nenas ini dibuat begitu besar di kawasan Negeri Johor kerana tanahnya begitu sesuai. Apabila kita perhatikan walaupun kita merasakan kawasan tanah di Negeri Johor itu sahaja sesuai bagi penanaman nenas agak untuk meningkatkan lagi perusahaan nenas ini perlu pihak Kerajaan mengambil pasti adakah kawasan-kawasan di negeri-negeri lain juga boleh sesuai ditanam nenas sama ada seperti di Negeri Selangor, Perak dan sebagainya.

Perkara yang penting sekali pihak Kerajaan perlu mengambil perhatian atau kaji selidik selain daripada kawasan tanau di Negeri Johor yang sesuai untuk ditanam nenas, adakah di negeri-negeri lain juga sesuai untuk ditanam nenas. Kalau ini dapat kita laksanakan kemungkinan ada beberapa buah negeri yang sesuai untuk ditanam nenas dan di negeri-negeri yang tertentu ataupun di negeri-negeri yang berhampiran kita boleh mewujudkan suatu perkilangan yang mengetinkan nenas.

Dalam hal ini agak perlu kita mengambil perhatian kerana kalau kita tumpukan sahaja suatu kawasan seperti Negeri Johor sahaja untuk

pengedaran nenas keseluruh Tanah Melayu ataupun di Semenanjung Malaysia ini perbelanjaan menghantar barang-barang ataupun jualan nenas yang ditinkan agak terlalu tinggi, Tetapi kalau kita telah menubuhkan beberapa kawasan perkilangan nenas misalannya dibuat di Johor, dibuat di Selangor, dibuat di Perak dan di Kedah dan sebagainya maka ini suatu pertanda yang cukup baik bagi pengedaran nenas yang ditinkan ke seluruh negara dan kalau kita hendak menentukan bagi bayaran membawa barang-barang tin nenas ini dijual misalannya daripada Negeri Johor hendak dihantar ke Perak, dihantar ke Selangor, hendak di hantar ke Kedah dan sebagainya agak memakan belanja membawa terlampau tinggi. Dengan ini saya memikirkan perlu Kerajaan mengambil kepastian supaya ladang-ladang nenas ini dapat diadakan di seluruh Tanah Melayu ini yang berbentuk di antara suatu negeri ke suatu negeri. Kalau ini dapat kita laksanakan dari segi pengedaran nenas yang ditin, ini tidak menimbulkan masalah dan tidak membawa kepada belanja yang banyak bagi pengedaran nenas-nenas yang telah ditin.

Selain daripada itu, Tuan Yang di-Pertua, saya perhatikan pengedaran nenas ini tidak berjalan dengan begitu rapi. Dari segi ini saya cuma mengambil perhatian ada beberapa jenis barangan yang dijual di seluruh negara kita ini, katalah jualan rokok, jualan teh, jualan Ovaltine dan sebagainya di mana sahaja kita pergi. Sama ada di kedai-kedai besar, di kedai-kedai yang kecil banyak bahan-bahan ini ada dijual di kedai yang saya nyatakan tadi, maksudnya sama ada di kedai-kedai besar ataupun di kedai-kedai yang kecil. Tetapi apabila kita pergi juga di kedai-kedai yang sama kalau kita hendak membeli nenas yang ditin ini agak sukar, kadang-kadang kedai-kedai yang besar pun tidak ada nenas yang ditin. Jadi, ini kita boleh merasakan satu kelemahan pengedaran barang-barang ini tidak sampai ke tempat-tempat tertentu. Oleh hal yang demikian, maka saya merasakan supaya pihak Kerajaan ataupun Kementerian menentukan satu-satu wakil penjual yang tertentu, Misalannya kita menentukan sama ada sesebuah negara ataupun sesebuah kawasan mesti ada wakil penjualnya, misalnya di negeri Johor juga ada wakil penjual di dalam satu-satu kawasan, di negeri Perak juga ada wakil penjual di satu-satu kawasan, maka inereka bertanggungjawab mengendarkan barang-barang itu di dalam kawasan-kawasan yang tertentu sama ada di kedai-kedai besar ataupun di kedai-kedai yang kecil.

Kita memang sedar untuk mendapatkan wang daripada penjualan nenas yang diproses, yang ditin adalah hasil daripada penjualan barang itu. Sekiranya barang itu tidak diedarkan kepada pembeli-pembeli dengan begitu teratur bagaimanakah industri ini boleh berkembang dengan maju dari segi bentuk kewangan. Kalau jualannya tidak meningkat dari semasa ke semasa dan pengedarannya tidak begitu

meningkat juga dari semasa ke semasa barangkali hasilnya akan malap dari semasa ke semasa.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada itu kita harus kenal pasti apakah kemampuan industri ini mengilang berapa ribu biji nenas dalam sehari, itu harus kita membuat satu kajian. Berapa ribu biji nenas agak dalam sebulan boleh dikeluarkan oleh pekebun-pekebun kecil ataupun pekebun-pekebun besar. Kalau dari segi angka jumlah proses yang dilakukan oleh industri. nenas ini dalam bentuk biji dalam satu-satu hulan dan digarisi pandu dengan jumlah biji yang dikeluarkan oleh pekebun-pekebun kecil atau besar kalau tidak seimbang maka ini satu ketempangan yang berisiko kepada industri ini. Misalan sekiranya kemampuan industri. ini. ataupun perkilangan ini boleh mengilangkan dalam satu bulan katalah 100,000 biji buah nenas tetapi pengeluaran nenas dalam satu bulan 200 biji. buah nenas maka ini bermaksud pengilang cuma dapat beroperasi separuh daripada pengeluaran nenas yang dikeluarkan oleh pekebun-pekebun kecil atau besar. Hal ini apabila dikaji perlu diambil perhatian oleh industri nenas atau pengilang nenas sama ada hendak membesarkan lagi pengilangan ini supaya setara dengan beberapa jumlah kilang ini mampu memprosesnya dan berapa banyak nenas yang dikeluarkan dalam satu-satu masa. Kalau ini tidak dapat dilakukan ada dua faktor yang terjejas.

Yang pertama, kalau lebih nenas yang dikeluarkan dalam satu masa, kurangnya yang diproses oleh kilang maka itulah yang menyebabkan nenas-nenas yang banyak dimusnahkan, yang banyak tidak laku dan penanam-penanam nenas agak kecewa untuk melaksanakan tanaman nenas mereka. Sekiranya kalau kemampuan kilang nenas boleh melebihi daripada pengeluaran maka ini juga akan menjejaskan kepada

industri nenas yang saya jelaskan tadi.. Dengan kata ringkas, dalam masalah industri nenas **ini**. kita tidak boleh lari daripada bercakap hal perniagaan. Kalau di dalam hal perniagaan, kalau satu tempang mungkin dua-duanya akan tempang. Dengan sebab itu kajian yang teliti, kita tidak menekankan siapakah yang mentadbirkan dan sebagainya, perlu kita mengkaji berapakah kemampuan industri, berapakah kemampuan pengeluaran diharapkan pengeluaran dan pengilang biarlah setara di antara kedua-duanya sekali barulah industri nenas berjalan dengan begitu baik.

Tuan Yang di-Pertua, kita juga merasakan agak adakah pengilang nenas ini. ataupun industri ini telah mengeksport nenas tin ini ke luar negeri. Walaupun kita merasakan nenas **ini** memang telah dieksport ke luar negeri, adakah pengeksportan nenas ini berjaya dari semasa ke semasa? Kalau ini tidak diambilkira dari semasa ke semasa mungkin kita merasakan pengeksportan nenas ini keluar negeri agak tidak begitu menguntungkan kepada pengeluaran nenas dari negara Malaysia ini. Dengan ini. kita harus pasti dan mengkaji juga sebagai wakil-wakil penjual di dalam negara-negara yang lain bagi menentukan pengeluaran nenas daripada Malaysia ini agak berjalan dengan begitu baik dan barangkali kita misal dari segi pengedaran barang-barang daripada Malaysia ini, contohnya iaitu Proton Saga pada mulanya, pada masa yang lalu agak di antara kita yang sangsi, ada di antara kita mengatakan pengilangan kereta ini membazir, merugikan dan sebagainya. Tetapi apabila kita memerhatikan prestasi pengeluaran Proton Saga ini meningkat dari sernasa ke semasa sama ada kecantikannya, sama ada kewibawaannya menggunakan di negara ini dan

di negara-negara lain yang telah menempah begitu banyak dari semasa ke semasa dan telah bertambah di antara sebuah dengan sebuah negara yang lain. Adakah hal ini disedari oleh Lembaga Perusahaan Nenas Tanah Melayu ini. yang telah begitu lama mengadakan industri nenas dari tahun 1957. **Ini** harus diambil perhatian. Kalau dalam tahun 1957 agak kita dapat mengeksport nenas kepada dua buah negara, adakah tahun 1958 juga dua buah negara, adakah tahun 1960 berapa buah negara, adakah tahun 1970 bertambah?

Sekiranya pengeksportan nenas tin ini agak tahap tahun 1957 atau tahun 1958 tidak berpotensi yang begitu baik dari semasa ke semasa ini kita boleh mengatakan kelemahan pentadbir sebagai seorang pentadbir, seorang peniaga untuk mengeksport nenas tin daripada Malaysia. Dengan sebab itu kita mesti mencari pakar-pakar atau orang yang boleh menentukan jualan bahan-bahan ini agak sesuai di negara-negara yang lain.

Selain daripada itu, sama ada kita boleh dapat mengeksport nenas tin ini keluar negeri, kita harus mengkaji pertimbangan harga. Misalan, kalau kita hendak mengkaji perimbangan harga nenas tin ini yang sama besarnya dengan laici, sama besarnya dengan epal yang ditrinkan, adakah persamaan harga nenas tin ini dengan bahan-bahan yang saya nyatakan tadi? Kalau misalannya nenas tin ini harganya satu tin yang sama besar dengan laici berharga \$1.80 tetapi laici agak \$1.00 atau \$1.10, ini harus kita kaji. Adakah ini agak masyarakat atau orang ramai suka membeli harga yang begitu lebih tinggi daripada bahan yang saya jelaskan tadi ataupun agak sesuai bahan ini atau nenas ini walaupun bentuknya sama, besarnya sama tetapi harganya lebih tinggi daripada barang makanan yang ditinkan sebagaimana yang saya jelaskan tadi. Sekiranya ini tidak dapat diambikira, barangkali ini sudah menjatuhkan atau pengurangan pembeli-pembeli untuk membeli nenas tin kita kerana harganya lebih tinggi daripada bahan-bahan tadi, seperti laici, epal dan sebagainya. Ini harus diambil perhatian juga kepada Lembaga Pengarah supaya nenas tin ini harganya agak setimpal dengan barang-barang makanan yang ditinkan supaya masyarakat agak boleh membeli dengan tidak begitu tersentak harganya di antara nenas yang ditinkan dengan bahan-bahan lain yang ditinkan.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada itu saya suka juga menarik perhatian agak bentuk pengetinan nenas ini bolehlah dibuat dengan begitu bermacam-macam bentuk tin, sama ada jenis-jenis itu yang dari segi bentuk bulatan, dari segi bentuk empat segi, agak ini telah ada juga dan kita boleh mengkaji dari segi banyak-banyak bentuk. Kita mengusahakan barangkali air nenas sahaja. Kalau kurang benda ini, kita laksanakan, kita menambah untuk ditinkan air nenas sahaja dan apabila benda ini telah banyak, ertinya berpuluh-puluh jenis, ini terpulanglah kepada Lembaga Pengarah dan sebagainya boleh membuat bermacam-macam jenis bentuk nenas. Tadi telah dijelaskan boleh dicampurkan dengan buah-buahan lain agak yang sesuai kepada kita, satu di antaranya barangkali buah rambutan sebagaimana yang saya jelaskan tadi, mungkin kita boleh buat lagi jenis air nenas sahaja dan sebagainya, maka ini boleh mengambil kira masyarakat agak banyak membeli jenis bahan-bahan yang dikeluarkan ini kepada keseluruhan masyarakat, sama ada di dalam negara kita ataupun di luar Malaysia.

Saya suka beri contoh, misalnya rokok yang dikeluarkan oleh apa-apa syarikat, bukan satu jenis rokok sahaja, ada macam-macam jenis rokok yang dikeluarkan dalam satu kilang. Jadi kadang-kadang kita ada setengahnya hendak menghisap rokok agak jenis yang keras, agak jenis yang lembut sedikit dan kadang-kadang mereka mengubah dari segi bentuk-bentuk banyak batang di dalam sesuatu bungkus. Ada di antaranya mereka membungkus agak 12 batang, saya pun tak pasti kerana saya tak menghisap rokok, ada yang 7 batang barangkali, ada yang dalam tin, ada yang macam-macam bentuk. Ini ertinya menggambarkan masyarakat boleh memilih di mana yang mereka suka. Kalau kita balik-balik dengan tin yang dua jenis sahaja, satu yang empat segi, satu yang leper sahaja dengan tidak membuat sesuatu potensi

yang lain, ini satu kelemahan daripada pengusaha nenas itu sendiri dan bagaimana masyarakat agak berpotensi untuk membeli bahan-bahan itu dari semasa ke semasa.

Saya suka ambil perhatian juga dalam masalah ini sama ada mengubah, sama ada menambah, sama ada meminda dan sebagainya, ini perlu dilaksanakan dari semasa ke semasa. Contohnya, kereta yang diimport daripada negeri Jepun macam-macam jenis, kadang-kadang mereka tukar lampu sahaja, kadang-kadang mereka tukar cermin depan sahaja kadang-kadang mereka tukar bumper di belakang sahaja ataupun sebagainya. Ini dari segi orang ramai agak dia tengok benda ini keluar, cuma mula-mula lampu leper sahaja, kata dia bulat, kadang-kadang dia itu tak erti. Jadi ini cuma kita berharap kepada pihak Lembaga Perusahaan Nenas ini dapat mengubahsuai ataupun meminda dari semasa ke semasa bagi membaiki perusahaan nenas ini supaya perusahaan nenas ini dapat berjalan dengan begitu baik dan memuaskan dan tidak merugikan.

Perlu juga diambilkira pekerja-pekerja agak banyak jenis pekerja. Ada jenis pekerja yang potong nenas sahaja, ada pekerja yang tukang masukkan nenas di dalam prosesan itu dan sebagainya. Perkara yang penting mesti ada orang yang berpengetahuan di dalam menentukan kebaikan nenas., campuran nenas, nenas ini boleh dikelaskan; kelas A, kelas B dan sebagainya. Kelas A ini sesuai untuk tin mana, kelas B sesuai untuk tin yang mana dan sebagainya. Kalau kita tidak dapat mengelaskan nenas-nenas ini, ini juga akan boleh mengurangkan prestasi nenas kita untuk dieksport. Dengan sebab ini kalau kita perhatikan dalam Malaysia ini ada banyak jenis nenas yang kita perhatikan, macam dikata orang nenas Pulau Pinang yang jenis kecil itu, nenas Sarawak yang besar dan sebagainya. Ini harus kita

kaji. Nenas Sarawak sesuai untuk apa, nenas Pulau Pinang sesuai untuk apa, adakah nenas ini sesuai untuk ditinkan airnya sahaja, adakah nenas ini sesuai untuk ditinkan jenis yang empat segi (cube) ataupun nenas yang dipotong bentuk leper sahaja. Ini harus kita mengambil kepastian supaya pengeksporan nenas ini kita boleh menentukan dan kadang-kadang orang yang makan nenas itu, minum air nenas itu dia tengok dari luar sahaja gambar ini dia tahu bagairana rasa nenas kalau bentuk ini yang dibeli. Dia tengok luar sahaja ini bentuknya sudah tentu inilah jenis nenas yang ditinkan. Jadi benda-benda yang macam ini agak perlu diambil perhatian kepada pihak Lembaga Perusahaan Nenas.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa masa agak sampai dan setakat inilah yang dapat saya sampaikan di dalam Dewan ini. Dengan ini, saya menyokong Rang Undang-undang yang dibentangkan. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, Dewan ini akan menyambung semula perbincangan atas Rang Undang-undang ini selepas sahaja semua perkara-perkara berkaitan dengan Rang Undang-undang Perbekalan 1988 selesai di minggu hadapan nanti.

Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya tangguhkan Dewan yang mulia ini hingga jam 2.30 petang esok, hari Khamis, 3hb Disember, 1987.

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.

**[Jawapan bagi Pertanyaan No. 20 hingga 28
adalah diberi di bawah Ini].**

BADAN PERPADUAN PERKAUMAN

20. **Puan Valli Muthu Samy** minta Perdana Menteri menyatakan adakah Kerajaan akan membuat pertimbangan untuk memperkenalkan undang-undang untuk mewujudkan badan perpaduan perkauman dan persefahaman antara golongan-golongan yang utama dalam negara ini.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Raja Ariffin bin Raja Sulaiman]: Kerajaan tidak mencadang memperkenalkan undang-undang untuk mewujudkan badan perpaduan perkauman dan persetahaman di antara golongan-golongan utama dalam negara ini kerana Kerajaan melalui Jabatan Perpaduan Negara sudahpun mempunyai Panel Penasihat Perpaduan Negara, yang diwakili oleh golongan-golongan tertentu baik dari ketua-ketua kaum, akademik, perniagaan, profesional, agama, pentadbiran dan lain-lain lagi.

PERJANJIAN PERKAPALAN MALAYSIA-CHINA

21. **Tuan Haji Shaharom bin Haji Maasom** minta Menteri Luar Negeri menyatakan perjanjian yang dibuat oleh Malaysia dengan Kerajaan China dalam lawatan Timbalan Perdana Menteri ke sana, baru-baru ini. Apakah hasil pertukaran antara Malaysia dan China yang dimaktubkan.

Toh Muda Dr. Abdullah Fadzil bin Che Wan: Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri telah melakukan lawatan rasmi ke Republik Rakyat China (RRC) pada 6hb, hingga 13hb. September, 1987. Semasa lawatan tersebut Perjanjian Perkapalan di antara Malaysia dan RRC telah ditandatangani.

Perjanjian tersebut diharap dapat mempertingkatkan lagi perdagangan dua hala secara terus kerana selama ini sebahagian besar perdagangan di antara Malaysia-RRC dilakukan melalui negara-negara ketiga. Di antara peruntukan terpenting Perjanjian tersebut ialah dengan membenarkan kapal (vessel) kedua-dua negara belayar di antara pelabuhan-pelabuhan mereka bagi menjalankan perkhidmatan penumpang dan kargo.

EKSPORT MALAYSIA KE CHINA

22. Tuan Mohd. Soor bin Bedah minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan:-

- (a) jenis dan jumlah dagangan duahala di antara Malaysia dan China; dan
- (b) langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan untuk memperbaiki lagi dagangan terus dan 'response' dari Kerajaan China terhadap bahan-bahan eksport dari Malaysia.

Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan dan Perindustrian

[Tuan M.G.Pandithan]:

- (a) Jenis barangan dagangan di antara Malaysia dan China adalah pelbagai. Eksport Malaysia ke China terdiri daripada barangan utama Malaysia seperti kayu balak, kayu gergaji, papan lapis, getah, minyak sawit dan biji koko. Di samping itu terdapat juga barang-barang perkilangan yang dieksport ke China seperti "aluminium foil", polyester fibre' dan alat hawa dingin. Manakala import Malaysia dari China pula terdiri dari bahan makanan, kacang soya, ubat-ubatan, bawang putih, cili kering, oren mandarin, kertas, kasut, paku dan barang-barang dari besi dan besi keluli.

Berkaitan dengan jumlah perdagangan duahala di antara Malaysia dengan China, ianya terus berkembang pada setiap tahun. Pada tahun 1981 jumlah perdagangan yang tercatat ialah bernilai \$834.7 juta ringgit dan ianya telah meningkat kepada \$1,120 juta ringgit pada tahun 1985 dan \$1,150 juta ringgit pada tahun 1986. Manakala dalam tempoh lapan bulan pertama tahun ini, jumlah perdagangan yang tercatat adalah bernilai \$909 juta ringgit.

- (b) Berasaskan kepada angka-angka perdagangan di atas, Kerajaan berpuashati dengan prestasi dan

kedudukan perdagangan China pada masa ini. Walau bagaimanapun beberapa langkah telah dijalankan untuk memperbaiki lagi perhubungan dagangan terus dengan China seperti berikut:-

- (i) melonggarkan peraturan yang dikenakan ke atas rakyat Malaysia yang ingin melawat Republik Rakyat China dengan tujuan perniagaan dan perdagangan. Kelonggaran yang sama juga telah diberikan ke atas rakyat China untuk melawat Malaysia atas tujuan yang sama.
- (ii) menggalakkan pertubuhan-pertubuhan perdagangan dan swasta tempatan membuat lawatan yang sama di peringkat mereka. Sebagai contoh, dalam sepuluh bulan pertama tahun ini sebanyak sepuluh persatuan dan pertubuhan ekonomi dan perdagangan swasta telah menganjurkan rombongan ke China dengan objektif untuk menjalin hubungan secara terus dengan pihak China.
- (iii) Kerajaan melalui Pernas Trading telahpun menganjurkan lawatan ke pameran-pameran perdagangan di China dengan tujuan menggalakkan pengimport-pengimport Malaysia mengimport terus dari China.
- (iv) menubuhkan Pejabat Perdagangan Malaysia di Beijing yang telah diberi tugas

meningkatkan hubungan perdagangan dengan negara tersebut khususnya perdagangan secara langsung.

- (v) menggalakkan pihak swasta menubuhkan konsortium di kalangan mereka bagi meningkatkan dan memudahkan lagi usaha-usaha mengadakan hubungan secara langsung dengan China. Dalam hal ini sebuah konsortium yang dikenali sebagai "Sino Malay Consortium" telah ditubuhkan untuk tujuan tersebut. Konsortium ini dianggotai oleh Dewan Perniagaan China Malaysia, Dewan Perniagaan China Malaysia dan Pernas.
- (vi) Kerajaan telah menganjurkan beberapa lawatan rombongan ke China yang diketuai oleh Menteri dan Pegawai-pegawai Kanan Kerajaan. Rombongan seumpama ini akan diteruskan dan
- (vii) Kerajaan telahpun menandatangani Perjanjian 'double taxation' Perkapalan dengan RRC.

'Response' dari Kerajaan China terhadap bahan-bahan eksport Malaysia amatlah menggalakkan terutamanya barangan seperti kayu balak, kayu gergaji, papan lapis, getah, minyak sawit dan biji koko. Barangan yang saya sebutkan Lni mernpakan 79% daripada keseluruhan eksport Malaysia ke China pada tahun 1986 dan lapan bulan pertama tahun ini.

NYAMUK AEDES

23. **Tuan Shaik Dawood** minta Menteri Kesihatan menyatakan sama ada Kementerian beliau berpuashati dengan langkah-langkah untuk menghapuskan nyamuk "aedes" dan sekiranya tidak, apakah langkah-langkah lain yang dicadangkan untuk mengatasinya.

Menteri Kesihatan [Dato' Chan Siang Sun]: Kementerian Kesihatan berpuashati dengan langkah-langkah yang sedang dijalankan untuk menghapuskan nyamuk "Aedes". Jika kes-kes denggi bertambah aktiviti-aktiviti anti-aedes akan dipergiatkan dan diperluaskan dengan kerjasama dan sokongan masyarakat dan pihak berkuasa tempatan.

TANAH TERBIAR - MEMULIHKAN

24. **Tuan Chan Choon Tak** minta Menteri Pertanian menyatakan sejauh manakah rancangan penggunaan tanah-tanah terbiar dalam tiap-tiap negeri telah mencapai kejayaan. Sila berikan faktor-faktor dan angka-angka serta sebab-sebab bagi kejayaan dan kegagalan skim sedemikian dalam tiap-tiap negeri.

Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed: Kemeuterian Pertanian, Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar (KPNLB) dan Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuahn Wilayah (KKTKWj adalah bertatanggungjawab untuk memulihkan tanah terbiar. Kementerian Pertanian bertanggungjawab untuk menyelaraskan projek-projek pemulihan sawah terbiar sementara KPNLB dan KKTKW bertanggungjawab untuk memulihkan tanah bukan sawah.

Sehingga akhir 1986, seluas 229,519 hektar tanah terbiar telah dapat dipulihkan di mana 32,588 hektar darinya adalah kawasan tanah sawah terbiar. Pecahan keluasan sawah terbiar dipulihkan mengikut negeri adalah seperti berikut:-

Negeri	Keluasan (ha.)
Perlis	1,670.3
Kedah	3,201.3
Pulau Pinang	3,922.4
Perak	6,362.8
Selangor	585.4
Negeri Sembilan	3,207.3
Melaka	2,738.4
Johor	1,300.1
Pahang	928.5
Terengganu	2,469.2
Kelantan	6,202.3
Jumlah	32,588

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat di dalam Raucangan Malaysia Kelima (RM1.) Kementerian telah diberi tanggungjawab untuk memajukan kira-kira 14,000 hektar sawah terbiar yang akan melibatkan perbelanjaan sebanyak \$14 juta.

Terdapat beberapa faktor dan sebab yang menentukan kejayaan atau kegagalan skim pemulihan sawah terbiar, seperti berikut:-

- a) Usaha-usaha memajukan sawah terbiar ini telah mendapat kerjasama dan penglibatan dari berbagai pihak sama ada dari Jabatan/Agensi Kerajaan Persekutuan dan Negeri-negeri, pihak swasta serta petani-petani tuan tanah keseluruhannya. Persefahaman dan kerjasama tersebut akan terus dipertingkatkan lagi dari masa ke semasa bagi menjamin objektif dan matlamat program pemulihan sawah terbiar tersebut dicapai dengan jayanya.
- b) Pengurusan projek merupakan salah satu faktor utama yang akan diperbaiki dan dipertingkatkan lagi melalui program-program kursus atau latihan mengenai aspek-aspek pengurusan yang sedang dilaksanakan. Badan pengurusan projek yang cekap dan berkesan akan memastikan projek-projek secara ekonomik dan sentiasa berusaha meningkatkan daya pengeluaran, dan
- c) Usaha-usaha berterusan di dalam mencari dan menjamin terdapatnya pasaran dengan harga yang berpatutan terhadap hasil-hasil pertanian yang dikeluarkan telah menggalakkan pengusaha-pengusaha meningkatkan usaha serta daya pengeluaran mereka.

SEKOLAH SWASTA - PELANGGARAN AKTA PELAJARAN

25. **Tuan Mohd. Wajdi bin Dato' Haji Ishak:** minta Menteri Pendidikan menyatakan dan memberi penjelasan mengenai kegiatan dan perjalanan sekolah-sekolah swasta atau Institusi Pengajian Tinggi yang diluluskan oleh Kementerian Pendidikan.

- (i) sama ada pihak Kementerian sedar bahawa ada di antara sekolah atau Institusi Pengajian Tinggi yang tersebut telah melanggar Akta Pelajaran. Kalau benar adakah telah diambil tindakan dan apakah langkah-langkah mengawalinya;
- (ii) sama ada benar atau tidak ada di antara sekolah/Pusat Pengajian Tinggi yang diluluskan pendaftarannya mempunyai unsur-unsur perjuangan politik' sesuatu kaum atau Parti Politik. Kalau benar apakah kawalan yang sedang dibuat bagi menentukan bahawa ianya tidak akan menjadi punca kepada ujudnya salah faham di antara kaum di negara ini;
- (iii) adakah pihak Kementerian akan bertindak tegas bagi menutup dan menghalang pertumbuhan dan perkembangan Sekolah/Pengajian Tinggi yang mempunyai unsur-unsur perkauman sehingga menimbulkan pecah belah kepada perpaduan kaum.

Tuan Woon See Chin: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pendidikan setakat ini tiada menerima laporan mengenai adanya sekolah-sekolah swasta yang melanggar Akta Pelajaran atau yang mempunyai unsur-unsur perjuangan politik sesuatu kaum atau parti politik. Sekiranya Ahli Yang Berhormat dapat menamakan sekolah-sekolah swasta yang berkenaan secara spesifik disertakan dengan bukti-bukti yang nyata Kementerian Pendidikan akan menyiasat dan mengambil tindakan mengikut peraturan yang ada.

NELAYAN MENJADI PESERTA FELDA

26. **Puan Habidah binti Jusoh** minta Menteri Pertanian menyatakan:-

- (a) adakah projek memindahkan nelayan menjadi petani atau peserta FELDA benar-benar menguntungkan Negara. Berapakah bilangan mereka-mereka yang sudah dipindahkan; dan
- (b) berapa banyakkah Negara kita mengimport ikan-ikan dari luar dalam setahun dan kenapa berlaku demikian.

Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed: Seramai 3,492 orang nelayan telah dipindahkan menjadi petani atau peneroka Felda sehingga kini yang mana telah banyak menguntungkan negara. Di antara perkara yang telah menguntungkan negara adalah:

- (i) menambahkan pendapatan bekas nelayan.
- (ii) mengurangkan tekanan penangkapan/usaha di perairan pantai.
- (iii) membolehkan kaum nelayan menikmati taraf hidup yang lebih baik.

Negara kita telah mengimport ikan dari luar negeri pada tahun 1986 sebanyak 238,989 tan metrik bernilai \$328.2 juta. Di antara sebabnya ialah permintaan ikan dalam negara kian meningkat terutama spesis yang kurang diperolehi di perairan negara seperti Tenggiri, Bawal Putih, Bawal Hitam, Terubok dan sebagainya.

[Soalan No. 27. Sila lihat jawapan No. 18]

DASAR PERTAHANAN AWAM

28. **Tuan. Haji Abu Bakar bin Lajim** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan sama ada negara kita telah mempunyai satu Dasar Pertahanan Awam yang boleh menggerak segala tenaga awam jika sesuatu krisis berlaku di negara ini. Jika ada apakah langkah-langkah persiapan fizikal dan psikologi akan dirancang bagi menyediakan fikiran rakyat kepada sesuatu keadaan yang mungkin berlaku di luar jangkaan. Jika tiada, apakah Kerajaan bercadang menubuhkan satu badan bagi menyelaraskan semua agensi-agensi keselamatan negara bagi merumus dasar tersebut.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Negara kita belum lagi mempunyai Dasar yang khusus berkenaan Pertahanan Awam. Walaubagaimanapun, Kerajaan melalui Majlis Keselamatan Negara telah sedia mempunyai rancangan kontigensi untuk menggerak dan menyelaraskan semua jentera pentadbiran Kerajaan bagi menghadapi sebarang krisis yang ditimbulkan mungkin akibat dari peperangan atau pencerobohan daripada luar. Semua agensi Kerajaan telah juga diarahkan untuk menyediakan rancangan Kontigensi masing-masing supaya langkah-langkah fizikal dan psikologi dapat dirancang dan dilaksanakan di dalam mengawal sesuatu keadaan yang berlaku di luar jangkaan.